



مَجْلِسُ اِكَامَةِ اِسْلَامِ وَاَلَيْتُهُ كُؤُوتَاتُ

MAJLIS AGAMA ISLAM WILAYAH PERSEKUTUAN



DISEMPURNAKAN OLEH :
B. MEJAR JENERAL DATO' JAMIL KHIR BIN HJ. BAHAROM (B),
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

URUKH : 6 OGOS
T : DEWAN UT
GAR MANJALA
S SYA'BAN 1430H
JED IMAM AL-GH
O, KUALA LUMPUR



Laporan
TAHUNAN
2009

ISI KANDUNGAN

LAPORAN TAHUNAN MAJLIS AGAMA ISLAM WILAYAH PERSEKUTUAN (MAIWP) 2009

PERUTUSAN

■ Pengerusi	2
■ Setiausaha	4
■ Ketua Pegawai Eksekutif	5

MAKLUMAT ORGANISASI

■ Latar Belakang	8
■ Visi, Misi, Objektif dan Strategi	9
■ Carta Organisasi	10
■ Carta Organisasi Pengurusan	
Pejabat Ketua Pegawai Eksekutif	11
■ Ahli MAIWP	12

LAPORAN PENERUSI

■ Pendapatan	18
■ Perbelanjaan	19
■ Pelantikan Ahli MAIWP Baru	19
■ Pengurusan Sumber Manusia	20
■ Perpindahan Ibu Pejabat	20
■ Pengurusan Tadika Islam	20
■ Pelaksanaan Agihan Zakat	21
■ Pembangunan Modal Insan	28
■ Perlindungan dan Kebajikan	31
■ Hartanah	32
■ Penyelenggaraan Aset Tak Alih	33
■ Anugerah Pembangunan Hartanah	
Wakaf Terbaik	34
■ Pembangunan Teknologi Maklumat	
dan Komunikasi (ICT)	34
■ MAIWP Cawangan Labuan	35
■ Pelaburan	36
■ Syarikat & Yayasan	36

LAPORAN KEWANGAN

■ Sijil Ketua Audit Negara	44
■ Penyata Kewangan	46





JAWATANKUASA-JAWATANKUASA	89
■ Jawatankuasa Baitulmal	90
■ Jawatankuasa Falak Syarie Wilayah Persekutuan	91
■ Jawatankuasa Pembangunan dan Pelaburan	92
■ Jawatankuasa Perundingan Hukum Syarak Wilayah Persekutuan	93
■ Jawatankuasa Pengawasan Pengajaran Agama Wilayah Persekutuan	94
■ Jawatankuasa Peguam Syarie	95
■ Jawatankuasa Audit Dalam	96
■ Jawatankuasa Kaedah-Kaedah Mahkamah Syariah Wilayah Persekutuan	97
■ Jawatankuasa Rumah Perlindungan dan Kebajikan Islam Wilayah Persekutuan	98
INFORMASI	101
■ Skim Bantuan Zakat Baitulmal	102
■ Syarat Umum Penerima Bantuan Zakat Baitulmal	102
■ Kadar Had al-Kifayah	102
■ Takrif Asnaf	103
■ Projek Pembangunan	104
■ Syarikat & Yayasan	106
■ Institusi - Institusi	107
■ Direktori	112
DIARI 2009	113
KERATAN AKHBAR 2009	121

PERUTUSAN

“Dan telah sempurnalah Kalimah Tuhannya (Al-Quran, meliputi hukum-hukum dan janji-janjiNya), dengan benar dan adil, tiada sesiapa yang dapat mengubah Kalimah-kalimahNya. Dialah yang Maha Mendengar, lagi Maha Mengetahui”

(Surah Al An'aam : Ayat 115)



Perutusan

Y.B. SENATOR MEJAR JENERAL DATO' SERI JAMIL KHIR BIN HAJI BAHAROM (B)
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI MERANGKAP
PENGERUSI
MAJLIS AGAMA ISLAM WILAYAH PERSEKUTUAN



السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

Dengan Nama Allah Yang Maha Pengasih Lagi Maha Penyayang. Segala pujian hanya bagi Allah SWT, Tuhan Sekalian Alam. Selawat dan salam ke atas junjungan besar Nabi kita Muhammad SAW, ahli keluarga Baginda, para sahabat serta mereka yang meneruskan perjuangan Baginda sehingga ke hari kemudian.

Alhamdulillah, saya bersyukur ke hadrat Allah SWT kerana dengan kesempatan dan kudrat yang diberikan olehNya, saya sebagai Pengerusi Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP) masih lagi dapat meneruskan usaha dan tanggungjawab yang diamanahkan kepada saya untuk melaksanakan fungsi MAIWP bagi kesejahteraan umat Islam di Wilayah Persekutuan.

Setelah dilantik sebagai Menteri di Jabatan Perdana Menteri (JPM) pada April 2009 dan seterusnya sebagai Pengerusi MAIWP, saya melihat MAIWP mempunyai potensi yang besar untuk melaksanakan agenda pembangunan ummah khususnya di Wilayah Persekutuan. Saya mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan tahniah dan setinggi penghargaan kepada Mantan Menteri di JPM, Y.B. Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi di atas usaha yang telah diambil oleh beliau sebelum ini. InsyaAllah, segala perancangan dan usaha yang telah dibuat akan diteruskan demi masalah ummah seluruhnya.

Tahun 2009 menyaksikan dunia mengalami kegawatan ekonomi dan tempiasnya dapat turut dirasai di Malaysia. Namun, berkat usaha dan doa, jumlah kutipan zakat di Wilayah Persekutuan masih lagi terus meningkat seperti tahun-tahun sebelumnya. Justeru, amanah bagi mengagihkan wang zakat ini terus dipergiat oleh MAIWP agar golongan sasaran dapat dibantu secara menyeluruh, dengan cara yang lebih berkesan.

Program pembangunan modal insan MAIWP terus dikembangkan. MAIWP mulai Januari 2009 telah menguruskan Tadika-tadika Islam di Wilayah Persekutuan setelah pengurusannya diserahkan oleh Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan (JAWI). Justeru itu, program pembangunan modal insan MAIWP akan dapat dirangka secara lebih menyeluruh bermula daripada usia muda lagi. Di peringkat menengah, MAIWP sedang berusaha menubuhkan sebuah institusi pendidikan menggunakan kurikulum pendidikan bersepadu dan seimbang antara aspek duniawi dan ukhrawi yang seterusnya diharap dapat melahirkan generasi pelapis yang mempunyai personaliti unggul, mantap dan beriman.



Tahniah saya ucapkan kepada pihak pengurusan MAIWP di atas kejayaan merangkul Anugerah Pembangunan Hartanah Wakaf Terbaik di kalangan Majlis-majlis Agama Islam Negeri daripada Dewan Perdagangan Islam Malaysia dan Universiti Islam Antarabangsa Malaysia atas usaha cemerlang dalam aspek pembangunan hartanah wakaf. Adalah diharapkan ianya menjadi batu loncatan dan pembakar semangat untuk kita semua meneruskan agenda pembangunan ummah yang telah dirancang.

MAIWP berharap agar segala usaha yang dilaksanakan akan dapat sedikit sebanyak membantu merealisasikan hasrat kerajaan. Kesungguhan dan komitmen kerajaan dalam menangani masalah kemiskinan akan disokong oleh MAIWP dengan usaha berterusan melalui program agihan zakat, pembangunan modal insan, kebajikan dan sebagainya. Program-program ini akan sentiasa dikaji dan ditambahbaik dari masa ke semasa agar mencapai matlamat pelaksanaannya.

Akhir kata, saya berharap MAIWP akan dapat mencapai kejayaan yang lebih cemerlang dan bermakna pada tahun-tahun akan datang. Setinggi-tinggi tahniah dan penghargaan diucapkan kepada semua pihak yang telah turut serta memberi sumbangan dalam melaksanakan setiap program MAIWP samada secara langsung atau tidak langsung.

Sekian, wassalam.

Y.B. SENATOR MEJAR JENERAL DATO' SERI JAMIL KHIR BIN HAJI BAHAROM (B)



Perutusan

Y.BHG. DATO' HAJI CHE MAT BIN CHE ALI
PENGARAH JABATAN AGAMA ISLAM WILAYAH PERSEKUTUAN
MERANGKAP SETIAUSAHA
MAJLIS AGAMA ISLAM WILAYAH PERSEKUTUAN



السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

Alhamdulillah, kita bersyukur ke hadrat Allah SWT kerana dengan limpah kurniaNya, maka MAIWP pada tahun ini telah berjaya melaksanakan peranan dan tanggungjawab yang telah diamanahkan.

Pada tahun ini, berlaku beberapa perubahan pada keahlian anggota MAIWP yang bertindak sebagai pembuat dasar kepada setiap gerak kerja dan pelaksanaan aktiviti di MAIWP. Perubahan ini dilihat tidak akan menjejaskan tumpuan dan prestasi MAIWP, sebaliknya dengan kehadiran ahli-ahli baru yang mempunyai kepakaran dalam bidang berbeza akan dapat membawa MAIWP ke tahap yang lebih baik.

Setinggi-tinggi penghargaan diucapkan kepada mantan Menteri di Jabatan Perdana Menteri merangkap Pengerusi MAIWP, Y.B. Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid Hamidi dan mantan ahli-ahli MAIWP di atas segala sumbangan sepanjang membarisi keanggotaan MAIWP. Segala usaha tersebut akan terus dikenang dan menjadi tinta penting dalam lipatan sejarah kejayaan MAIWP.

Sokongan padu dan kerjasama erat dengan jabatan-jabatan kerajaan lain seperti Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM), Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan (JAWI), Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) dan agensi-agensi lain menjadi antara faktor kepada kejayaan penganjuran aktiviti-aktiviti MAIWP sepanjang tahun 2009. Sesungguhnya tanpa sokongan dan kerjasama tersebut, adalah mustahil bagi MAIWP untuk melaksanakan setiap dasar dan agenda yang dirancang untuk masyarakat Islam di Wilayah Persekutuan ini.

Pada kesempatan ini, saya menyeru kepada semua pihak khususnya di MAIWP agar sentiasa bersungguh-sungguh dan ikhlas melaksanakan tugas yang diamanahkan dan semoga ia akan dibalas oleh Allah SWT dengan ganjaran yang berlipat kali ganda, Insya Allah.

Sekian, wassalam.

DATO' HAJI CHE MAT BIN CHE ALI

Perutusan
Y.BHG. TUAN HAJI ANAN BIN C. MOHD
KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF
MAJLIS AGAMA ISLAM WILAYAH PERSEKUTUAN



السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

Alhamdulillah, saya bersyukur ke hadrat Ilahi kerana dengan izinNya, maka Buku Laporan Tahunan MAIWP 2009 dapat diterbitkan seperti yang dirancang. Tahniah saya ucapkan kepada semua pihak yang telah bertungkus lumus berusaha menyempurnakan penerbitan buku ini.

Buku Laporan Tahunan ini antaranya memuatkan informasi mengenai pencapaian dan aktiviti yang telah dijalankan oleh MAIWP sepanjang tahun 2009. Menerusi buku ini orang ramai akan dapat mengetahui tentang kejayaan dan pencapaian yang diperolehi oleh MAIWP khususnya dalam usaha untuk memajukan umat Islam di Wilayah Persekutuan ini.

Prestasi MAIWP secara umumnya pada tahun ini semakin baik. Peraturan dan dasar-dasar yang telah ditetapkan oleh kerajaan sentiasa diikuti dan dipatuhi. Bagi memastikan MAIWP dapat melaksanakan tugasnya secara lebih efisien, bilangan perjawatan telah ditambah selaras dengan keperluan semasa.

Aktiviti utama MAIWP iaitu aktiviti pengurusan zakat sentiasa ditambahbaik. Jumlah kutipan zakat oleh PPZ MAIWP pada tahun 2009 melebihi sasaran yang telah ditetapkan. Begitu juga dalam aspek agihan. Jumlah penerima yang menerima bantuan zakat telah meningkat berbanding tahun sebelumnya. Bagi memperluaskan lagi mekanisme agihan zakat, MAIWP pada tahun ini sedang giat merancang untuk membuka cawangan-cawangan baru Pusat Agihan Zakat (PAZA) di peringkat komuniti yang akan memudahkan pemohon-pemohon bantuan setempat berurusan dengan Baitulmal MAIWP seterusnya meningkatkan jumlah agihan zakat kepada kumpulan sasar di Wilayah Persekutuan.

Menyedari akan kepentingan teknologi ICT dalam membantu meningkatkan kecekapan pengurusan, maka beberapa penambahbaikan dan pembaharuan telah dilakukan terhadap beberapa sistem aplikasi dan laman web. Ianya adalah bagi memudahkan lagi urusan sistem penyampaian perkhidmatan dan melancarkan lagi sistem informasi kepada orang awam.

Sepanjang tahun 2009, terdapat beberapa isu yang telah dibangkitkan oleh masyarakat melalui media massa. Pihak pengurusan MAIWP telah mengambil tindakan susulan yang sewajarnya dengan memberi penerangan dan penjelasan berhubung isu-isu yang dibangkitkan. Usaha yang berterusan akan diambil bagi membolehkan masyarakat sentiasa menerima maklumat yang tepat mengenai MAIWP seterusnya mengelakkan salah tanggapan masyarakat terhadap MAIWP.

Pengurusan syarikat-syarikat di bawah MAIWP sentiasa diberi perhatian dan dipantau dari semasa ke semasa menerusi auditan berjadual berkait operasi syarikat-syarikat berkenaan selaras dengan dasar dan peraturan yang ditetapkan. MAIWP pada tahun ini sedang merangka satu panduan untuk syarikat-syarikat MAIWP demi memastikan pengurusan syarikat-syarikat tersebut dilaksanakan secara sistematik seterusnya mencapai matlamat penubuhannya seperti yang diputuskan oleh MAIWP.

Kepada Y.B. Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid Hamidi, Mantan Menteri di JPM merangkap Pengerusi MAIWP dan mantan ahli-ahli MAIWP, saya bagi pihak pengurusan MAIWP ingin merakamkan penghargaan dan terima kasih di atas pimpinan dan panduan yang telah diberikan.

Akhir kata, pada kesempatan ini, saya mewakili pengurusan MAIWP ingin mengucapkan setinggi-tinggi ucapan tahniah kepada Menteri di Jabatan Perdana Menteri merangkap Pengerusi MAIWP yang baru dilantik iaitu Y.B. Senator Mejar Jeneral Dato' Seri Jamil Khir bin Haji Baharom (B). Insya Allah, berkat doa dan sokongan semua pihak, MAIWP akan dapat menjadi sebuah agensi Islam unggul yang boleh dicontohi oleh pihak lain selari dengan wawasan baru MAIWP "Berkerti Berjasa".

Sekian, terima kasih.

Wassalam.

HAJI ANAN BIN C. MOHD

MAKLUMAT ORGANISASI

“Mereka berdoa dengan berkata: Wahai Tuhan kami! Janganlah Engkau memesongkan hati kami sesudah Engkau beri petunjuk kepada kami, dan kurniakanlah kepada kami limpah rahmat dari sisiMu; sesungguhnya Engkau jualah Tuhan Yang Melimpah-limpah pemberianNya.”

(Surah Ali 'Imraan : Ayat 8)



Latar Belakang MAIWP

MAIWP ditubuhkan pada 1 Februari 1974 serentak dengan penubuhan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. Penubuhannya adalah bagi menjaga hal ehwal Islam di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur yang sebelum itu diletakkan di bawah kerajaan negeri Selangor.

MAIWP selepas itu turut bertanggungjawab menguruskan hal ehwal umat Islam di Labuan dan Putrajaya setelah kedua-duanya diumumkan sebagai Wilayah Persekutuan masing-masing pada 16 April 1984 dan 1 Februari 2001.



Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur



Wilayah Persekutuan Putrajaya

berhubungan dengan agama Islam di dalam Wilayah-Wilayah Persekutuan, kecuali perkara-perkara Hukum Syarak dan yang berhubungan dengan pentadbiran keadilan, dan dalam semua perkara sedemikian hendaklah menjadi pihak berkuasa utama di dalam Wilayah-Wilayah Persekutuan selepas Yang di-Pertuan Agong, kecuali jika diperuntukkan selainnya dalam Akta ini."

Penubuhan MAIWP dinyatakan melalui peruntukan di dalam Perlembagaan Persekutuan dan Akta Pentadbiran Undang-Undang Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1993 [Akta 505].

Perkara 3 (5) Perlembagaan Persekutuan memperuntukkan bahawa :

"*Walau apa pun apa-apa jua dalam Perlembagaan ini, Yang di-Pertuan Agong hendaklah menjadi Ketua Agama Islam di Wilayah-Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Labuan dan Putrajaya; dan bagi maksud ini Parlimen boleh melalui undang-undang membuat peruntukan-peruntukan bagi mengawal selia hal ehwal agama Islam dan bagi menubuhkan suatu Majlis untuk menasihati Yang di-Pertuan Agong mengenai perkara-perkara yang berhubungan dengan agama Islam.*"

Seksyen 4(1), Akta 505 pula menyatakan:-

"*Maka hendaklah ada suatu badan yang dikenali sebagai "Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan", untuk menasihati Yang di-Pertuan Agong dalam perkara-perkara yang berhubungan dengan agama Islam.*"

Bidang kuasa MAIWP pula dijelaskan melalui Seksyen 31, Akta 505 yang menyatakan:

"*Majlis hendaklah membantu dan menasihati Yang di-Pertuan Agong berkenaan dengan semua perkara yang*



Wilayah Persekutuan Labuan



Visi

Peneraju dalam pembangunan dan kesejahteraan ummah

Misi

Merealisasikan agenda pembangunan ummah secara terancang dan menyeluruh

Objektif

- ❑ Membentuk dan mewujudkan sebuah masyarakat Islam yang dinamis dan progresif yang sentiasa mencari keredhaan Allah.
- ❑ Memupuk keimanan dan mengukuhkan ukhuwwah Islamiah di kalangan orang-orang Islam di Wilayah Persekutuan khususnya dan Malaysia amnya bagi mencapai perpaduan ummah.
- ❑ Memperbanyakkan usaha-usaha kebajikan dan mencegah kemungkaran dalam masyarakat Islam.
- ❑ Melaksanakan usaha-usaha menambah harta MAIWP melalui pelaburan dan usaha-usaha halal yang lain bagi faedah umat.

Strategi

- ❑ Menyediakan kemudahan pendidikan agama yang secukupnya bagi keperluan umat Islam.
- ❑ Menyediakan kemudahan tempat-tempat beribadat secukupnya bagi keperluan umat Islam.
- ❑ Meluas, meninggikan mutu perkhidmatan dan kebajikan agama.
- ❑ Memperluaskan kegiatan dakwah termasuk membantu dan memandu kegiatan badan-badan dakwah.
- ❑ Memperbanyak dan memajukan tanah-tanah wakaf.
- ❑ Mempertingkatkan kegiatan kutipan zakat.
- ❑ Menguatkuasakan segala aspek undang-undang pentadbiran agama Islam.
- ❑ Mempertingkatkan kegiatan ekonomi dalam bidang perniagaan, pembangunan dan pelaburan.




Carta Organisasi

MAJLIS AGAMA ISLAM WILAYAH PERSEKUTUAN





Carta Organisasi Pengurusan PEJABAT KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF MAJLIS AGAMA ISLAM WILAYAH PERSEKUTUAN





Keahlian

MAJLIS AGAMA ISLAM WILAYAH PERSEKUTUAN

PENGERUSI



Y.B. Senator Mejar Jeneral Dato' Seri
Jamil Khir bin Haji Baharom (B)
Menteri di Jabatan Perdana Menteri

TIMBALAN PENERUSI



Y.Bhg. Dato' Haji Wan Mohamad
bin Dato' Sheikh Abdul Aziz
*Ketua Pengarah
Jabatan Kemajuan Islam Malaysia*

EX-OFFICIO



Ketua Setiausaha Negara
Wakil:
Y.Bhg. Dato' Zainol bin Othman
*Timbalan Ketua Setiausaha Kanan
Jabatan Perdana Menteri*



Y.Bhg. Tan Sri Abdul Gani Patail
Peguam Negara Malaysia



Ketua Polis Negara
Wakil:
YDH DCP Dato' Wira
Muhammad Sabtu bin Osman
Ketua Polis Wilayah Persekutuan



S.S. Datuk Haji Wan Zahidi
bin Wan Teh
Mufti Wilayah Persekutuan



Y.Bhg. Datuk Seri Ahmad Fuad
bin Ismail
Datuk Bandar Kuala Lumpur



AHLI YANG DILANTIK



Y.Bhg. Tan Sri Datuk Sheikh
Ghazali bin Haji Abdul Rahman
*Penasihat Perundangan Syariah
Jabatan Peguam Negara*



Y.B. Senator Datuk Haji Rizuan
bin Ab Hamid



Y.B. Senator Dato' Haji
Kamarudin bin Haji Ambok



Y.Bhg. Datuk Haji Abd. Manaf
bin Haji Ahmad



Y.Bhg. To' Puan Wan Asiah
binti Ahmad



Y.Bhg. Puan Sri Rajmin
binti Rashid



Y.Bhg. Dato' Haji Mohamad
bin S. Ahmad



Y.Bhg. Datuk Hisham
bin Abd Majid



Y.Bhg. Dato' Haji Abu Kassim
bin Haji Tadin



Y.Bhg. Dato' Dr. Sohaimi
bin Haji Mohd Salleh
*Ketua Pengarah
Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji*



Y.Bhg. Prof. Dr. Md. Salleh
bin Haji Hassan
*Pengarah
Institut Pengajian Sains Sosial
Universiti Putra Malaysia*



Y.Bhg. Tuan Haji Abdul
Rashid bin Ngah
*Pengarah Pendidikan Islam
Kementerian Pelajaran Malaysia*



Y.Bhg. Puan Hajjah Jamela
binti Mohd Syed
*Timbalan Akauntan Negara (Korporat)
Jabatan Akauntan Negara Malaysia*



Y.Bhg. Encik Abd Aziz @ Aziz
bin Che Yacob
*Pegawai Agama
Istana Negara*

SETIAUSAHA



Y.Bhg. Dato' Haji Che Mat
bin Che Ali
*Pengarah
Jabatan Agama Islam
Wilayah Persekutuan*



KEMENTERIAN AGAMA
YANG DIPIMPIN OLEH
DAN
SKIM BANTUAN GALAKAN
HAFAZ AL-QURAN
RM 185,500.00

DISEMPURNAKAN OLEH :
B. MEJAR JENARAL DATO' JAMIL KHIR BIN HJ. BAHAROM (B),
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

RIKIH : 6 OGOS
T : DEWAN UT
AR MANJALA
5 SYA'BAN 1430
JID IMAM AL-GH
G, KUALA LUM

BANTUAN DANA KEMAHIRAN, KEMERDEKAAN, KETERANGAN
DAN BAYARAN UTILITY KEPADA MAJLIS "MAJLIS"
BURUK "BURUK JUWAT DAN BURUK" BURUK BUKA
DI MELAYAN PERSEKUTUAN 2009 10 - 10.00 10
RM 2,394,500.00

LAPORAN PENGGERUSI

“Maka hendaklah mereka menyembah Tuhan yang menguasai rumah (Ka’bah) ini, Tuhan yang memberi mereka penghidupan; menyelamatkan mereka dari kelaparan, dan mengamankan mereka dari ketakutan.”

(Surah Quraisy : Ayat 3-4)



Laporan Pengerusi

Tahun 2009 sekali lagi menyaksikan berlaku beberapa perubahan di negara kita dari aspek sosial, politik dan ekonomi. Y.A.B. Dato' Sri Hj. Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak setelah dilantik sebagai Perdana Menteri Malaysia yang ke-6 pada April 2009 telah mengumumkan barisan kepimpinan negara yang baru bagi membantu beliau memacu negara yang kita cintai menjadi sebuah negara yang disegani lagi dihormati.

Kesan krisis ekonomi global telah menyebabkan Malaysia turut merasai tempasnya. Ekoran itu, kerajaan telah mengumumkan Pakej Ransangan Ekonomi Kedua pada 10 Mac 2009 dengan peruntukan RM60 bilion bagi membolehkan ekonomi negara menerima impak positif dengan kadar segera.

Perubahan-perubahan yang berlaku ini tidak menjejaskan MAIWP dalam usaha-usahanya untuk membantu meningkatkan sosio-ekonomi masyarakat Islam khususnya di Wilayah Persekutuan. Meskipun berlaku perubahan dalam aspek kepimpinan, ianya dilihat memberi nafas baru kepada MAIWP untuk meneruskan agenda sedia ada selain membuat penambahbaikan kepada perancangan dan pelaksanaan yang telah digariskan.

Di tengah-tengah kegawatan ekonomi yang melanda, kutipan zakat di Wilayah Persekutuan tidak terjejas sebaliknya terus menunjukkan peningkatan. Seperti tahun-tahun sebelumnya, zakat sekali lagi menjadi antara punca terbesar pendapatan MAIWP.




Y.A.B. Dato' Sri Hj. Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak, Perdana Menteri merasmikan Konvensyen Baitulmal Kebangsaan sambil diperhatikan Y.B. Senator Mejar Jeneral Dato' Seri Jamil Khir bin Haji Baharom (B), Menteri di Jabatan Perdana Menteri (JPM) dan Y.B. Senator Dato' Dr. Mashitah binti Ibrahim, Timbalan Menteri di JPM

Pendapatan

Pada tahun 2009, pendapatan keseluruhan MAIWP telah meningkat sebanyak 19% iaitu daripada RM234.08 juta pada tahun 2008 kepada RM278.16 juta. Pendapatan daripada kumpulan wang zakat menyumbang sebahagian besar pendapatan MAIWP di mana ianya mencatat pendapatan sebanyak RM247.94 juta, iaitu 89% daripada jumlah keseluruhan pendapatan. Jumlah ini merangkumi jumlah kutipan zakat oleh Pusat Pungutan Zakat MAIWP (PPZ-MAIWP).

Sumber pendapatan kedua terbesar MAIWP pula adalah datangnya daripada pendapatan-pendapatan lain berjumlah RM14.93 juta diikuti hasil sewaan yang menyumbangkan RM8.78 juta dan keuntungan daripada akaun pelaburan sebanyak RM6.51 juta.

Gambarajah 1: Pecahan Pendapatan MAIWP 2009


Perbelanjaan


Pada tahun ini, sebanyak RM205.31 juta telah dibelanjakan merangkumi perbelanjaan agihan zakat sebanyak RM139.35 juta, pentadbiran dan pengurusan sebanyak RM60.38 juta dan kos kewangan sebanyak RM5.58 juta. Jumlah tersebut merekodkan peningkatan sebanyak RM24.4 juta atau 13% berbanding perbelanjaan MAIWP bagi tahun 2008.

Pelantikan Ahli MAIWP Baru

Pada tahun 2009, berlaku beberapa pertukaran pada keahlian MAIWP setelah tempoh pelantikan selama 3 tahun bermula 1 Februari 2006 tamat pada 31 Januari 2009. Beberapa ahli baru yang mempunyai kepakaran dalam bidang yang berbeza telah dilantik. Berdasarkan Seksyen 10 (2), Akta Pentadbiran Undang-Undang Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1993 [Akta 505], setiap ahli MAIWP hendaklah dilantik bagi tempoh tidak melebihi 3 tahun. Tempoh keanggotaan ahli-ahli MAIWP baru adalah daripada 1 Februari 2009 hingga 31 Januari 2012.

Gambarajah 2 :

Perbandingan Pendapatan dan Perbelanjaan MAIWP 2009





Pengurusan Sumber Manusia

Jumlah pengkhidmat awam MAIWP sehingga akhir tahun 2009 adalah seramai 843 orang seperti pecahan jadual di bawah:

Jadual 1:
Pecahan Pengkhidmat Awam MAIWP

BIL.	KUMPULAN	TETAP		KONTRAK
		JAWATAN DILULUSKAN	JAWATAN DIISI	
1.	Pengurusan Tertinggi (JUSA C)	1	1	-
2.	Pengurusan dan Profesional	70	66	48
3.	Sokongan I	57	54	23
4.	Sokongan II	208	204	447
JUMLAH		336	325	518
JUMLAH KESELURUHAN		843		

Seramai 6 orang pengkhidmat MAIWP merupakan pegawai pinjaman daripada jabatan-jabatan kerajaan lain seperti Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM), Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) dan Jabatan Audit Negara. Sebanyak RM19.22 juta telah dibelanjakan bagi tujuan emolumen pengkhidmat awam MAIWP. Sepanjang tahun 2009, seramai 70 orang pengkhidmat awam MAIWP telah menamatkan perkhidmatan di MAIWP di atas faktor-faktor tertentu seperti mendapat peluang perjawatan tetap atau jawatan lebih tinggi dalam sektor kerajaan, faktor peribadi dan sebagainya.



Encik Ismail bin Porjo, Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif MAIWP (berdiri, kanan) bersama pegawai-pegawai kanan MAIWP melihat kakitangan baru menandatangani surat aku janji

Demi memastikan warga MAIWP dapat memberikan perkhidmatan yang terbaik, berkualiti dan profesional, sebanyak RM0.38 juta telah dibelanjakan bagi tujuan kursus, bengkel, seminar dan lain-lain program latihan. Sebanyak 21 kursus telah dikendalikan oleh MAIWP melalui Bahagian Khidmat Pengurusan. Pihak pengurusan MAIWP juga telah menghantar pegawai dan kakitangannya seramai 135 orang mengikuti kursus yang dikendalikan oleh pihak luar.

Perpindahan Ibu Pejabat

Ibu pejabat MAIWP yang sebelum ini beroperasi di Wisma Baitulmal, Jalan Ipoh telah berpindah ke bangunan baru iaitu di Bangunan PERKIM, Jalan Ipoh. MAIWP telah menyewa sebanyak 6 aras dengan kos sebanyak RM0.11 juta sebulan. Ruang baru ibu pejabat MAIWP ini menyediakan kemudahan dan persekitaran yang lebih selesa, kondusif dan mesra-pelanggan.



Ibu pejabat baru MAIWP menyediakan ruang yang lebih selesa dan kondusif kepada kakitangan dan pelanggan

Pengurusan Tadika Islam

Pada tahun ini, Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan (JAWI) secara rasminya telah menyerahkan pengurusan Tadika-tadika Islam di Wilayah Persekutuan kepada MAIWP. Dengan pertukaran pengurusan ini, guru-guru Tadika Islam yang sebelum ini hanya menerima elaun bulanan daripada RM540 hingga RM580 kini menerima gaji bulanan termasuk elaun berjumlah RM1,200



Guru-guru Tadika Islam di Wilayah Persekutuan menerima surat pelantikan daripada MAIWP dalam majlis yang diadakan pada 12 Januari 2009

sehingga RM2,500 bergantung kepada gred perjawatan yang ditawarkan.

Perubahan positif ini menuntut para guru untuk meningkatkan komitmen dan usaha dalam mendidik generasi muda. Tempoh bekerja telah dilanjutkan dari 3 jam sehari ke 7 jam sehari sama seperti penjawat awam MAIWP yang lain. MAIWP juga telah mengadakan beberapa kursus khas kepada guru-guru Tadika ini bertujuan meningkatkan mutu dan kualiti perkhidmatan mereka khususnya sebagai guru Tadika Islam. Antara kursus yang diadakan adalah Kursus Pedagogi dan Profesionalisme Guru-guru Tadika Islam, Kursus Tahsin Tilawah Al-Quran dan Bengkel Teknik Penulisan Rancangan Pengajaran Harian (RPH).

Terdapat 78 buah Tadika Islam yang beroperasi di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Putrajaya dan Labuan sehingga akhir tahun 2009 dengan bilangan pelajar seramai 5,293 orang dan bilangan guru seramai 355 orang.

Kemudahan-kemudahan di beberapa buah Tadika Islam MAIWP juga telah dinaiktaraf pada tahun 2009 untuk melahirkan suasana pengajaran dan pembelajaran yang selesa. Sebanyak RM1.2 juta telah dibelanjakan bagi kos menaiktaraf 21 buah tadika Tadika Islam dan kerja-kerja ini akan diteruskan ke tadika-tadika lain pada tahun akan datang. Kerja-kerja menaiktaraf yang dijalankan meliputi membaikpulih bahagian dalaman dan luar, mempertingkatkan kualiti kemasan, kemudahan asas, bekalan air dan elektrik.

Dengan pengambil alihan ini, maka program pembangunan modal insan MAIWP dapat dilaksanakan secara lebih menyeluruh merangkumi pendidikan awal sehingga ke pengajian tinggi.

Pelaksanaan Agihan Zakat

MAIWP dari tahun ke tahun sentiasa mempergiatkan usahanya untuk membantu umat Islam melalui program-program agihan zakat. Ini kerana prestasi kutipan zakat yang meningkat dan memberangsangkan di Wilayah Persekutuan pada tahun 2009 membolehkan MAIWP merancang dan melaksanakan pelbagai program dan aktiviti demi manfaat umat Islam.



Ketua Pegawai Eksekutif MAIWP, Tuan Haji Anan bin C. Mohd (kanan) menyerahkan replika kunci bagi sumbangan van jenazah kepada wakil masjid, surau dan pusat khidmat masyarakat

Sehingga kini MAIWP menyediakan 26 skim bantuan zakat yang meliputi bantuan pembangunan insan, pembangunan ekonomi, pembangunan sosial, pembangunan pendidikan dan pembangunan institusi agama. Dalam hal ini MAIWP memberikan keutamaan terhadap usaha murni ini dengan meletakkan asas ketelusan, keberkesanan dan keadilan di dalam pelaksanaan agihan zakat.



Bantuan Kewangan Bulanan

Seramai 7,696 orang asnaf menerima Bantuan Kewangan Bulanan sepanjang tahun 2009 dengan jumlah bantuan sebanyak RM27.98 juta. Melalui bantuan ini, mereka akan menerima bantuan wang tunai yang disalurkan terus melalui akaun Bank Simpanan Nasional setiap bulan.

Jadual 2:

Pecahan Bilangan Penerima Bantuan Kewangan Bulanan Mengikut Asnaf 2009

BIL.	ASNAF	BILANGAN PENERIMA
1.	Fakir	4,843
2.	Miskin	2,476
3.	Muallaf	377
JUMLAH		7,696

Skim bantuan ini diberikan bukan bertujuan menjadikan mereka malas berusaha dan hanya mengharapkan bantuan, sebaliknya bertujuan meringankan beban dalam memenuhi keperluan asasi mereka. Apabila beban tersebut dapat diringankan, maka diharapkan mereka dapat menumpukan usaha untuk mencari pendapatan yang lebih baik. Penerima-penerima bantuan ini juga diberikan kursus-kursus motivasi dan kemahiran agar mereka dapat berusaha mengubah diri ke tahap yang lebih baik.

Pada tahun 2009, MAIWP telah memilih seramai 80 orang dari kalangan penerima bantuan kewangan bulanan yang mempunyai minat dan dilihat berpotensi untuk menceburi bidang perniagaan. Mereka ini telah diberi latihan dan bimbingan dalam bidang jahitan aksesori wanita, pembuatan roti dan makanan sejuk beku sehingga mampu memulakan perniagaan sendiri. Baitulmal MAIWP telah membelanjakan sebanyak RM0.03 juta bagi mengadakan sebanyak 3 siri kursus tersebut sepanjang tahun 2009.

Makanan Bulanan

Baitulmal MAIWP turut menyediakan bantuan dalam bentuk makanan keperluan asasi seperti beras, gula, sardin, garam, biskut dan sebagainya untuk diagihkan kepada mereka yang memerlukan. Sebanyak 5,800 kampak beras dan makanan keperluan lain telah diagihkan sepanjang tahun 2009 dengan perbelanjaan sebanyak RM0.36 juta.



Aktiviti agihan makanan percuma yang diadakan sepanjang tahun oleh Baitulmal MAIWP pada setiap hari Rabu di perkarangan Bangunan Daruzzakah membantu mereka yang kurang bernasib baik

Selain itu juga, MAIWP pada setiap hari Rabu mengedarkan sebanyak 200 bungkus makanan untuk diedarkan kepada golongan kurang bernasib baik terdiri daripada warga emas, kurang upaya, musafir dan golongan gelandangan. Sepanjang tahun 2009, sebanyak RM72,000 telah dibelanjakan bagi bantuan ini. Edaran makanan ini dibuat di perkarangan Bangunan Daruzzakah, Lorong Haji Hussein 2 iaitu ibu pejabat Baitulmal MAIWP.

Bantuan Tempat Tinggal

Pelbagai bantuan telah disediakan oleh MAIWP di dalam menyediakan dan menampung kos tempat tinggal agar golongan asnaf dapat menjalani kehidupan yang lebih sempurna dan seimbang. Justeru di bawah bantuan tempat kediaman, MAIWP memberikan bantuan deposit sewa rumah dan bayaran sewa rumah bagi membolehkan asnaf memiliki tempat tinggal yang selesa. Pada tahun 2009, MAIWP telah menyalurkan bantuan sebanyak RM1.01 juta kepada seramai 732 orang daripada asnaf fakir, miskin dan muallaf dalam membiayai sewa rumah Projek Perumahan Rakyat (PPR) Dewan Bandaraya Kuala Lumpur dan 24 orang lagi diberi bantuan deposit sewa rumah.

Rawatan Sakit Kronik

MAIWP menyediakan bantuan rawatan kepada pesakit kronik seperti penyakit jantung, pelbagai jenis kanser dan sebagainya yang disahkan oleh pihak hospital sebagai sakit kronik. Dari bulan Januari hingga Disember 2009, seramai 501 orang pesakit telah menerima bantuan berkenaan dengan jumlah perbelanjaan RM2.11 juta termasuk pembelian ubat dan peralatan kesihatan.



Tuan Haji Anan bin C. Mohd, Ketua Pegawai Eksekutif MAIWP (bersongkok) menyerahkan sumbangan kerusi roda pelbagai guna kepada penerima bantuan hilang upaya

Rawatan Hemodialisis

Wang zakat juga turut diagihkan bagi membantu pesakit buah pinggang mendapatkan rawatan hemodialisis. Kos rawatan hemodialisis yang tinggi membebankan mereka yang kurang bernasib baik. Oleh yang demikian, MAIWP melalui Bahagian Baitulmal telah menyediakan bantuan rawatan hemodialisis bagi membantu pesakit yang tidak berkemampuan mendapatkan rawatan yang sebaiknya. Pada tahun 2009, MAIWP telah menyumbangkan RM6.2 juta kepada 282 orang pesakit melalui 23 klinik panel hemodialisis MAIWP.



Penyampaian bantuan rawatan hemodialisis kepada 45 orang pesakit buah pinggang yang menjalani rawatan di salah sebuah panel hemodialisis MAIWP iaitu Pusat Dialisis Aiman, Jalan Raja Alang, Kuala Lumpur

Pembangunan Ekonomi

Rancangan pembangunan ekonomi yang dilaksanakan oleh MAIWP memberi peluang kepada asnaf yang proaktif, berminat dan berkelayakan untuk mendapatkan bantuan ekonomi. Proses pemilihan yang dilaksanakan agak ketat kerana MAIWP mahukan asnaf yang benar-benar layak sahaja terpilih. MAIWP melihat bantuan ini sebagai jalan keluar bagi menangani kemiskinan di kalangan asnaf dengan mewujudkan peluang-peluang perniagaan mahupun pekerjaan. Justeru itu MAIWP memberi tumpuan kepada pembangunan usahawan dengan menyediakan bantuan berbentuk modal awal dan tambahan, kursus serta latihan kemahiran kepada asnaf yang terpilih.



Tuan Haji Anan bin C. Mohd, Ketua Pegawai Eksekutif MAIWP (berbaju kuning) beramah mesra dengan Usahawan Asnaf Zakat Baitulmal MAIWP selepas perasmian penutup Kursus Usahawan Baitulmal MAIWP pada 31 Julai 2009



Pada tahun 2009, MAIWP melalui Bahagian Baitulmal telah menyalurkan bantuan sebanyak RM5.44 juta kepada seramai 848 orang asnaf yang layak. Bantuan modal permulaan berjumlah sehingga RM5,000 diberikan setelah jenis perniagaan ditetapkan. Ketika ini perniagaan yang dibantu oleh MAIWP ialah peruncitan, perusahaan makanan, restoran, bengkel dan kraftangan.

Kemahiran dalam bidang keusahawanan juga turut diberi perhatian. Oleh yang demikian, setiap pemohon bantuan perniagaan adalah diwajibkan mengikuti Kursus Usahawan Perantis yang dianjurkan secara percuma oleh MAIWP. Kursus-kursus tersebut menekankan tentang asas perniagaan yang mencakupi aspek pemasaran, kemahiran berkomunikasi, asas perakaunan dan pengurusan kewangan. Sebanyak RM0.25 juta telah dibelanjakan pada tahun 2009 bagi mengadakan 4 siri kursus tersebut.

Jadual 3:

*Kursus Yang Dianjurkan Oleh MAIWP
Kepada Penerima Bantuan Perniagaan*

BIL.	KURSUS	BILANGAN PESERTA
1.	Kursus Asas Perniagaan (2 siri)	90
2.	Kursus Motivasi Usahawan (1 siri)	30
3.	Kursus Lanjutan Usahawan (1 siri)	30
JUMLAH		150

Pembangunan Pendidikan

Pendidikan merupakan mekanisme penting di dalam melahirkan generasi yang bebas daripada kemiskinan. Kesedaran mengenai kepentingan pendidikan bukan sahaja diterapkan kepada ibu bapa, tetapi juga di kalangan anak-anak asnaf. Melalui program ini, MAIWP membuka peluang kepada anak-anak asnaf untuk belajar ke peringkat lebih tinggi serta bebas daripada buta huruf.



Y.B. Senator Mejar Jeneral Dato' Seri Jamil Khir bin Haji Baharom (B), Menteri di Jabatan Perdana Menteri merangkap Pengerusi MAIWP menyampaikan bantuan peralatan persekolahan kepada salah seorang pelajar

Pelajar-pelajar di peringkat sekolah rendah dan menengah menerima Bantuan Dermasiswa. Pada tahun 2009, MAIWP telah mengagihkan bantuan ini sebanyak RM8.84 juta kepada 14,785 orang pelajar sekolah rendah dan sekolah menengah. Pelajar-pelajar tersebut juga dibekalkan dengan kelengkapan persekolahan bagi menghadapi sesi persekolahan baru 2010.

MAIWP melalui Baitulmal juga menyediakan dua kategori bantuan kepada penuntut-penuntut peringkat sijil sehingga peringkat Ijazah Kedoktoran iaitu Bantuan Am Pelajaran dan Biasiswa Pelajar Cemerlang.

**Jadual 4:***Kadar Bantuan Am Pelajaran Baitulmal MAIWP*

BIL.	PERINGKAT	JUMLAH BANTUAN SETAHUN (RM)
1.	Ijazah Kedoktoran	5,000
2.	Sarjana	5,000
3.	Sarjana Muda Luar Negara	5,000
4.	Sarjana Muda Dalam Negara	4,000
5.	Diploma	3,000
6.	Sijil	1,500

Sepanjang tahun 2009, seramai 1,497 orang menerima Bantuan Am Pelajaran dengan jumlah perbelanjaan sebanyak RM4.67 juta.

Jadual 5:*Pecahan Penerima Skim Bantuan Am Pelajaran Tahun 2009 Mengikut Peringkat Pengajian*

BIL.	PERINGKAT	BILANGAN PENERIMA
1.	Ijazah Kedoktoran	12
2.	Sarjana	21
3.	Sarjana Muda	677
4.	Diploma	634
5.	Sijil	153
JUMLAH		1,497

MAIWP melalui Biasiswa Pelajar Cemerlang Baitulmal MAIWP pada tahun 2009 telah memilih seramai 29 orang lagi pelajar-pelajar cemerlang untuk ditaja dengan jumlah perbelanjaan sebanyak RM0.8 juta. Ini menjadikan jumlah keseluruhan pelajar yang ditaja oleh MAIWP sejak biasiswa ini diperkenalkan pada tahun 2007 meningkat kepada 169 orang.

Jadual 6:*Pecahan Penerima Biasiswa Pelajar Cemerlang MAIWP 2009 Mengikut Peringkat Pengajian*

BIL.	JENIS BIASISWA	PERINGKAT	BILANGAN PENERIMA
1.	Luar Negara	Sarjana Muda Pengajian Islam	8
		Sarjana Muda Perubatan	14
2.	Dalam Negara	Ijazah Kedoktoran	1
		Sarjana	-
		Sarjana Muda	6
		Diploma	-
		Sijil	-
JUMLAH			29

Bagi meraikan anak asnaf yang berjaya dalam bidang akademik, MAIWP menganjurkan Majlis Anugerah Pelajar Cemerlang Untuk Anak Asnaf sebagai penghargaan di atas kejayaan mereka meraih keputusan cemerlang dalam peperiksaan. Seramai 103 orang anak asnaf fakir dan miskin Wilayah Persekutuan yang mencatatkan keputusan cemerlang pada peperiksaan 2008 menerima anugerah dari MAIWP. Sumbangan keseluruhan yang disampaikan kepada penerima-penerima berkenaan adalah sebanyak RM0.08 juta. Mereka terdiri dari para pelajar sekolah rendah, menengah dan institusi pengajian tinggi yang mendapat pembiayaan dari MAIWP.



Jadual 7:

Pecahan Penerima Anugerah Pelajar Cemerlang Baitulmal MAIWP Tahun 2009

BIL.	PERINGKAT	BILANGAN PENERIMA
1.	Ujian Penilaian Sekolah Rendah	29
2.	Penilaian Menengah Rendah	30
3.	Sijil Pelajaran Malaysia	8
4.	Sijil	16
5.	Diploma	10
6.	Ijazah	10
JUMLAH		103

Kecemerlangan anak asnaf ini dicapai antaranya melalui hasil usaha MAIWP menyalurkan bantuan wang zakat dalam aspek pembangunan pendidikan. Usaha ini dilaksanakan sebagai salah satu daripada strategi untuk membasmi kemiskinan dengan tumpuan kepada generasi muda.

Selain itu, MAIWP turut menyalur bantuan berjumlah RM6.16 juta kepada institusi-institusi pendidikan yang berada di bawah MAIWP. Institusi-institusi berkenaan adalah Institut Profesional Baitulmal (IPB) dan Kolej Kejururawatan PUSRAWI. Jumlah pelajar yang menerima bantuan berkenaan adalah seperti berikut:

Jadual 8:

Jumlah Pelajar Institusi Pendidikan di bawah MAIWP Yang Menerima Bantuan Zakat MAIWP

BIL.	INSTITUSI	BILANGAN PELAJAR
1.	Institut Profesional Baitulmal	1,100
2.	Kolej Kejururawatan PUSRAWI	131
JUMLAH		1,231

Pembangunan Institusi Tahfiz dan Memartabatkan Golongan Huffaz

Pada tahun 2009, MAIWP telah meneruskan pelaksanaan Skim Bantuan Galakan Hafaz al-Quran bertujuan memberi galakan (insentif) kepada para penghafaz Al-Quran di Wilayah Persekutuan. Skim ini juga bertujuan untuk menarik minat lebih ramai orang awam untuk menghafaz al-Quran dan seterusnya meningkatkan bilangan penghafaz al-Quran di Wilayah Persekutuan.



Penyampaian Bantuan Galakan Hafaz Al-Quran oleh Y.B. Senator Mejar Jeneral Dato' Seri Jamil Khir bin Haji Baharom (B), Menteri di Jabatan Perdana Menteri merangkap Pengerusi MAIWP

Pada tahun 2009, MAIWP telah memberikan imbuhan sebanyak RM0.43 juta kepada 128 orang penghafaz al-Quran di Wilayah Persekutuan yang telah lulus ujian hafazan berdasarkan kriteria yang ditetapkan oleh MAIWP.

Pembiayaan Aktiviti Institusi Agama dan Badan-badan Bukan Kerajaan

MAIWP pada tahun 2009 turut menyalurkan bantuan berjumlah RM16.38 juta bagi pembiayaan aktiviti institusi agama dan Badan-badan Bukan Kerajaan yang melaksanakan usaha-usaha dakwah di Wilayah Persekutuan. Sumbangan tersebut membuktikan tanda sokongan MAIWP kepada usaha-usaha dakwah yang dilaksanakan dalam sama-sama memperkasakan syiar Islam khususnya di Wilayah Persekutuan.

Sebanyak 271 Badan-badan Bukan Kerajaan, 67 buah masjid dan 501 buah surau di Wilayah Persekutuan menerima sumbangan ini sepanjang tahun 2009.

Bantuan Musibah

Sepanjang tahun 2009, MAIWP turut membantu mereka yang ditimpa musibah seperti banjir, kebakaran, ribut dan sebagainya melalui Bantuan Musibah. Seramai 714 keluarga telah menerima bantuan musibah yang berlaku di sekitar Wilayah Persekutuan dengan jumlah keseluruhan bantuan sebanyak RM1.23 juta



Salah seorang mangsa kebakaran di Taman Dato' Senu menerima sumbangan daripada Baitulmal MAIWP yang disampaikan oleh Tuan Haji Anan bin C. Mohd, Ketua Pegawai Eksekutif MAIWP (tengah)

Bantuan Kepada Hospital

Hospital-hospital di Wilayah Persekutuan turut menerima sumbangan dengan jumlah keseluruhan RM0.8 juta. Hospital Kuala Lumpur, Pusat Perubatan Universiti Malaysia (PPUM) dan Pusat Perubatan Universiti Kebangsaan Malaysia (PPUKM) masing-masing menerima RM0.25 juta manakala Hospital Putrajaya menerima RM0.05 juta. Sumbangan berkenaan disalurkan melalui tabung-tabung kebajikan yang terdapat di setiap hospital.



Penyampaian sumbangan MAIWP kepada Hospital Kuala Lumpur oleh Y.B. Senator Dato' Dr. Mashitah binti Ibrahim, Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (2 dari kiri)

Melalui sumbangan tersebut, hospital-hospital berkenaan dapat membantu pesakit yang tidak berkemampuan untuk menjelaskan bil rawatan, menyediakan peralatan kesihatan dan lain-lain lagi.

Selain itu juga, MAIWP turut menghulurkan sumbangan peralatan kepada hospital-hospital berkenaan di mana sepanjang 2009, sebanyak RM0.19 juta telah dibelanjakan bagi tujuan tersebut.

Para pesakit di hospital tersebut turut menerima sumbangan sempena menyambut Aidilfitri 1430H. Hampir seramai 4,600 orang pesakit menerima sumbangan tersebut dengan jumlah sumbangan keseluruhan sebanyak RM0.49 juta.

Pusat Agihan Zakat (PAZA)

Bagi melancarkan lagi agihan zakat melalui skim-skim bantuan zakat yang diwujudkan dan memudahkan golongan asnaf datang ke kaunter-kaunter zakat, MAIWP telah membuka 2 lagi cawangan Pusat Agihan Zakat (PAZA) iaitu di Masjid Abu Bakar al-Siddiq dan Wilayah Persekutuan Putrajaya. Ini adalah tambahan kepada cawangan PAZA yang sedia ada di Masjid ar-Rahimah, Kampung Pandan, Kuala Lumpur. Aktiviti utama PAZA ialah mengagihkan zakat kepada golongan asnaf. Antara skim bantuan zakat yang diagihkan di PAZA ialah :

- (a) Bantuan Kewangan Bulanan
- (b) Bantuan Persekolahan
- (c) Bantuan Perniagaan
- (d) Bantuan Deposit Sewa Beli Teksi
- (e) Bantuan Am Pelajaran
- (f) Bantuan Deposit Sewa Rumah & Sewa Rumah Bulanan
- (g) Bantuan Menyelesaikan Hutang (Al-Gharimin)
- (h) Bantuan Musibah dan Bantuan Perubatan.

Sehingga kini sambutan golongan asnaf terhadap kewujudan PAZA adalah menggalakkan. Bagaimanapun MAIWP akan meningkatkan lagi promosi dan hebahan tentang PAZA agar lebih ramai golongan asnaf dapat dibantu.

Penubuhan cawangan PAZA MAIWP ini diharap akan menjadi suatu usaha konkrit MAIWP untuk melaksanakan salah satu fungsinya di dalam memajukan sosio ekonomi dan umat Islam khususnya di Wilayah Persekutuan ini. Pembayar zakat juga akan merasa yakin kerana mereka mengetahui ke mana wang zakat mereka diagihkan dan ini akan mengekalkan kesetiaan mereka untuk terus membayar zakat di Wilayah Persekutuan.



Promosi Agihan Zakat Melalui Media Massa

Aspek promosi amat dititikberatkan oleh MAIWP di dalam memastikan masyarakat sentiasa peka dengan perkembangan terkini berkenaan agihan zakat di Wilayah Persekutuan. Media massa memainkan peranan yang amat penting dalam menyebarkan aktiviti agihan zakat MAIWP kepada masyarakat. Justeru itu, MAIWP sentiasa memastikan kerjasama erat terjalin dengan pihak media agar masyarakat peka dan mengetahui mengenai aktiviti terkini agihan zakat yang dilaksanakan oleh MAIWP.



Penggambaran bagi rancangan Tijarah Ramadan 1430H di salah sebuah rumah penerima bantuan Baitulmal MAIWP

Program-program agihan yang dilaksanakan telah mendapat liputan meluas di media cetak seperti Utusan Malaysia, Berita Harian, Sinar Harian dan sebagainya. MAIWP turut mengambil peluang untuk mempromosikan aktiviti agihan zakat melalui media elektronik dengan menyertai rancangan televisyen Tijarah Ramadan yang disiarkan di RTM 1 pada bulan Ramadhan lalu. Sebanyak 3 episod rancangan tersebut telah memaparkan usaha-usaha proaktif MAIWP dalam mengagihkan bantuan zakat. Hasil dari pendedahan media massa ini, diharap masyarakat akan bertambah yakin dengan operasi yang dilaksanakan di MAIWP.

Zakat yang diagihkan dengan berkesan akan meningkatkan tahap sosio ekonomi ummah dan membantu mengurangkan kadar kemiskinan. Dalam hal ini MAIWP melalui Bahagian Baitulmal sentiasa berusaha bersungguh-sungguh untuk meningkatkan jumlah agihan zakat yang mencakupi segenap aspek keperluan masyarakat dan ummah. Adalah menjadi harapan agar segala usaha MAIWP dalam memperkasakan agihan zakat di Wilayah Persekutuan ini dapat menjadi pemangkin ke arah meningkatkan martabat ummah.

Pembangunan Modal Insan

MAIWP amat menekankan pembangunan modal insan yang menjurus untuk melahirkan sahsiah cemerlang dari segi intelektual dan akhlak. MAIWP mempunyai 5 institusi pendidikan merangkumi pendidikan peringkat pra-sekolah hingga pengajian tinggi. Institusi tersebut adalah Tadika Islam MAIWP, Sekolah Menengah Agama MAIWP, Institut Kemahiran Baitulmal, Institut Profesional Baitulmal dan Kolej Kejururawatan PUSRAWI.

Selain itu juga, MAIWP turut mempunyai institusi penjagaan, pengasuhan dan pendidikan harian kanak-kanak yang dikenali sebagai Taska Darul Hannan.

Darul Hannan

Pada tahun 2009, Taska Darul Hannan telah melebarkan lagi perkhidmatannya dengan membuka cawangan baru di Masjid Wilayah Persekutuan, Jalan Duta. Cawangan ini telah dibuka pada 1 Julai 2009 dan telah menerima seramai 30 orang kanak-kanak dengan dikendalikan oleh 5 orang kakitangan terdiri daripada seorang penyelia, seorang pendidik dan 3 orang pengasuh.



Minat membaca dipupuk sejak dari kecil di Taska Darul Hannan MAIWP

Taska Darul Hannan sedia ada yang beroperasi di Kampung Pandan pula mempunyai seramai 17 orang kanak-kanak dan ditadbir oleh seorang penyelia dan 3 orang pengasuh.

Sekolah Menengah Agama MAIWP (SMA MAIWP)

Tahun 2009 merupakan tahun ke-3 Sekolah Menengah Agama MAIWP (SMA-MAIWP) beroperasi. SMA-MAIWP dari tahun ke tahun sentiasa meningkatkan kemudahan pengajaran dan pembelajarannya agar setanding dengan sekolah-sekolah menengah di bawah Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) yang lain. Pada 11 Ogos 2009, Y.B. Senator Mejar Jeneral Dato' Seri Jamil Khir bin Haji Baharom (B), Menteri di Jabatan Perdana Menteri merangkap Pengerusi MAIWP telah menyempurnakan Majlis Perasmian Meletak Kerja bangunan baru SMA-MAIWP di atas tanah seluas 3.4 hektar di Bandar Sri Permaisuri, Cheras, Kuala Lumpur. Dengan pembinaan bangunan ini, maka tenaga pengajar dan para pelajar akan menikmati suasana pengajaran dan pembelajaran yang lebih selesa dan kondusif seterusnya diharap dapat melahirkan para pelajar yang cemerlang.



Y.B. Senator Mejar Jeneral Dato' Seri Jamil Khir bin Haji Baharom (B), Menteri di Jabatan Perdana Menteri merangkap Pengerusi MAIWP (2 dari kiri) mendengar penerangan mengenai bangunan baru SMA-MAIWP sambil diperhatikan Y.B. Senator Dato' Dr. Mashitah binti Ibrahim, Timbalan Menteri di JPM (4 dari kiri)

Bangunan baru SMA-MAIWP dijangka siap pada tahun 2013 dan akan mampu menampung seramai 1,200 orang pelajar. Ianya akan dilengkapi dengan keperluan seperti blok pentadbiran dan akademik, makmal, bengkel, asrama, kuarters, surau dan pelbagai infrastruktur lain.

Pada tahun 2009, SMA-MAIWP masih lagi beroperasi di bangunan sementara iaitu Bandar Tun Razak, Cheras. Penginapan seramai 330 orang pelajar ditempatkan di 3 buah asrama iaitu di Wisma Zelan Taman Tasik Permaisuri, Kompleks Belia Jalan Pertahanan Gombak Setia dan Kompleks Belia Jalan Sekolah Gombak Setia, Kuala Lumpur.

Tahun 2009 juga merupakan tahun pertama SMA-MAIWP mempunyai calon Peperiksaan Menengah Rendah (PMR). Sebagai persiapan menduduki peperiksaan tersebut, pihak sekolah telah mengatur beberapa aktiviti akademik dan motivasi seperti kelas tuisyen, gerak gempur, bengkel teknik menjawab soalan, kelas intensif / latih tubi, motivasi "Saya Mesti Berjaya", Gegar PMR, Seminar Kecemerlangan PMR Berita Harian, Percubaan PMR Diagnostik Kementerian Pelajaran Malaysia dan satu acara khas melibatkan ibu bapa, pelajar, guru dan kakitangan iaitu Majlis Pelancaran Kecemerlangan PMR SMA MAIWP 2009.

Hasilnya, keseluruhan calon seramai 172 orang telah lulus dengan 43 orang atau 25% daripada mereka telah berjaya memperolehi 9A. Kejayaan ini membuktikan beberapa kekurangan daripada segi infrastruktur tidak menjejaskan tumpuan para pelajar dalam mencapai kejayaan.

Jadual 9 :

Keputusan Peperiksaan Menengah Rendah (PMR)
SMA-MAIWP 2009

BIL.	PENCAPAIAN PANGKAT "A"	BILANGAN PELAJAR
1.	9A	43
2.	8A	43
3.	7A	24
4.	6A	26
5.	5A	13
6.	4A	12
7.	3A	5
8.	2A	4
9.	1A	1
10.	0A	1
JUMLAH		172



Institut Kemahiran Baitulmal (IKB)

Sepanjang tahun 2009, IKB mempunyai seramai 221 orang pelatih yang mengikuti 6 kursus latihan secara percuma. Para pelatih IKB diwajibkan menduduki peperiksaan bagi mendapat pentauliahn daripada beberapa agensi seperti Jabatan Pembangunan Kemahiran Malaysia dan Akademi Binaan Malaysia (ABM). Pada tahun 2009, para pelatih IKB yang mengikuti Kursus Kejuruteraan Elektrik telah mendapat pentauliahn daripada Suruhanjaya Tenaga (ST) di mana 20 orang mendapat Sijil Kekompetenan 3 Fasa dengan Endorsan Pengujian (PW4) dan 1 orang mendapat Sijil Kekompetenan 3 Fasa dengan Endorsan Pengujian (PW3). Dengan adanya pentauliahn daripada ST, maka pelatih IKB akan menjadi lebih berdaya saing apabila memasuki alam kerjaya.



Mulai tahun 2009, pelatih Kursus Kejuruteraan Elektrik Institut Kemahiran Baitulmal MAIWP mendapat pentauliahn daripada Suruhanjaya Tenaga (ST)

Selain itu juga, seramai 16 orang pelatih Rekaan Fesyen dan Pembuat Pakaian yang telah menamatkan pengajian selama 2 tahun dipilih untuk menyertai Bengkel Pengeluaran Jahitan, IKB. Mereka menerima elaun bulanan berjumlah RM350 selain mendapat upah daripada tempahan-tempahan luar yang diperolehi. Mereka akan didedahkan dengan pengalaman mengambil dan mengurus tempahan sebagai persediaan awal sebelum memulakan perniagaan sendiri atau memperolehi pekerjaan yang lebih baik.

IKB pada tahun 2009 sedang giat berusaha untuk mewujudkan bengkel seumpama ini bagi Kursus Perkhidmatan dan Penyajian Makanan yang mana akan dapat memberi manfaat yang lebih besar kepada para pelatih kursus tersebut.



Model robot yang dihasilkan oleh pelatih IKB daripada bahan-bahan terpakai

Jadual 10 :
Pecahan Pelatih IKB 2009 Mengikut Kursus

BIL.	KURSUS	BILANGAN PELATIH		JUMLAH
		TAHUN 1	TAHUN 2	
1.	Rekaan Fesyen dan Pembuat Pakaian Wanita	17	17	34
2.	Rekaan Fesyen dan Pembuat Pakaian Lelaki	19	20	39
3.	Seni Lukis dan Seni Reka	23	13	36
4.	Perkhidmatan dan Penyajian Makanan	27	21	48
5.	Kejuruteraan Elektrik	22	21	43
6.	Teknologi Binaan Bangunan	13	8	21
7.	Bengkel Pengeluaran Jahitan	16		16
	JUMLAH			237

Selain daripada itu, MAIWP turut mempunyai 2 buah Institusi Pengajian Tinggi Swasta iaitu Institut Profesional Baitulmal (IPB) dan Kolej Kejururawatan PUSRAWI bagi pengajian peringkat tinggi.

Perlindungan dan Kebajikan

Darul Kifayah

Sepanjang tahun 2009, Darul Kifayah menempatkan seramai 464 orang penghuni yang terdiri daripada 225 orang lelaki dan 239 orang perempuan. Darul Kifayah menempatkan anak-anak asnaf fakir, miskin dan muallaf termasuk anak-anak yatim.

Jadual 11:
Kategori Penghuni Darul Kifayah

BIL	KATEGORI	BILANGAN PELATIH
1.	Yatim Piatu	15
2.	Yatim	100
3.	Miskin	348
4.	Saudara Muslim	1
JUMLAH		464

Pengambilan penghuni Darul Kifayah mengambil kira beberapa kriteria. Antara kriteria berkenaan adalah aspek kemampuan keluarga. Darul Kifayah mulai tahun 2009 telah memperkemaskan sistem pengambilan penghuni Darul Kifayah dengan melantik wakil-wakil daripada Baitulmal MAIWP bagi memastikan penghuni yang dipilih adalah benar-benar daripada keluarga yang kurang berkemampuan. Ianya ditentukan berdasarkan pengiraan Had al-Kifayah.

Darul Kifayah turut menekankan aspek akademik dalam pemilihan penghuni. Ini dapat dilihat dengan pengambilan 3 orang penghuni baru yang mendapat keputusan 5A dalam Ujian Penilaian Sekolah Rendah (UPSR).

Pada tahun 2009 juga, seramai 10 orang penghuni Darul Kifayah yang menduduki peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) telah berjaya melanjutkan pengajian di beberapa buah Institusi Pengajian Tinggi Awam dan Swasta di Malaysia.



Dar Assaadah

Dar Assaadah ditubuhkan bertujuan memberi perlindungan dan bimbingan kepada golongan remaja wanita, keluarga bermasalah dan saudara muslim yang memerlukan pembelaan. Mulai tahun 2009, saudara muslim lelaki tidak lagi ditempatkan di Dar Assaadah kerana pengurusannya telah diasingkan. Oleh itu, bilangan penghuni Dar Assaadah pada tahun 2009 adalah seramai 113 orang.

Jadual 12:
Kategori Penghuni Dar Assaadah

BIL.	KATEGORI	JUMLAH
1.	Remaja Wanita (Hamil luar nikah/ Terlibat dalam gejala sosial)	89
2.	Keluarga Dalam Krisis Rumah Tangga	18
3.	Saudara Muslim Wanita	6
JUMLAH		113

Pada tahun ini juga, seorang pelatih Dar Assaadah telah dipilih mengikuti latihan kemahiran di Institut Kemahiran Baitulmal dalam Kursus Jahitan.

Asrama Saudara Muslim

Saudara muslim lelaki yang sebelum ini ditempatkan di Dar Assaadah telah dipindahkan ke asrama khas dikenali Asrama Saudara Muslim setelah pengurusan saudara muslim lelaki diasingkan daripada pengurusan Dar Assaadah. Mulai tahun 2009, pengurusan saudara muslim lelaki diletakkan terus di bawah Bahagian Pembangunan Insan dan mereka kini ditempatkan di Asrama Saudara Muslim, Jalan Ipoh, Kuala Lumpur. Ianya diuruskan oleh seorang Penyelia Asrama gred S17.

Pada awal tahun 2009, asrama ini menempatkan seramai 10 penghuni. Bilangan tersebut meningkat sepanjang tahun dan pada penghujung tahun 2009, bilangan penghuni adalah seramai 18 orang.


Sepanjang tahun 2009, aktiviti-aktiviti yang dilaksanakan asrama ini adalah terhad kerana terdapat beberapa masalah seperti kekurangan tenaga pengajar dan kemudahan asrama yang masih belum lengkap sepenuhnya. Usaha berterusan sentiasa dilakukan oleh MAIWP bagi menambahbaik pengurusan dan kemudahan di asrama ini dan dijangka dapat dilaksanakan pada tahun 2010.

Operasi Asrama Saudara Muslim di Jalan Ipoh adalah bersifat sementara. Mesyuarat MAIWP kali ke-108 pada 23 Disember 2008 telah bersetuju untuk membangunkan sebuah kompleks saudara muslim yang bakal dikenali dengan Darul Hidayah.

Hartanah MAIWP

MAIWP sehingga akhir tahun 2009 memiliki dan memegang amanah sebanyak 487 bidang tanah dengan keluasan 387.46 ekar. Tanah tersebut merangkumi tanah-tanah di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Labuan dan Putrajaya yang dikategorikan kepada 4 kategori iaitu tanah ekonomi, tanah kebajikan, tanah pusaka dan tanah wakaf.

Tanah kebajikan merupakan tanah-tanah yang dipohon dari kerajaan untuk tujuan sekolah agama, masjid dan surau manakala tanah ekonomi adalah tanah-tanah yang dibeli daripada pihak tertentu atau diberi oleh kerajaan yang mana boleh digunakan untuk tujuan pembangunan komersial.



Sebanyak RM5.18 juta peruntukan telah diluluskan oleh MAIWP bagi tahun 2009 untuk menguruskan aktiviti-aktiviti berkaitan pengurusan hartanah MAIWP. Daripada jumlah tersebut, sebanyak RM2.96 juta telah dibelanjakan.

Pada tahun 2009, proses pembelian 3 bidang tanah di Pekan Kinrara, Selangor telah disempurnakan setelah MAIWP menerima surat hak milik yang telah didaftarkan atas nama MAIWP pada 31 Mac 2009. Selain itu, sebidang tanah wakaf khas yang telah dibina masjid di atasnya telah diserahkan kepada MAIWP setelah pembinaan masjid tersebut telah disempurnakan.

MAIWP pada tahun ini juga telah menjual 1/6 bahagian hartanah milik MAIWP di Lot 1588 Sungai Teba, Railway Line, Mukim Batu, Kuala Lumpur dengan harga RM1.32 juta.

Hartanah MAIWP turut disewakan bertujuan meningkatkan pendapatan MAIWP. Sebanyak 171 unit hartanah yang terdiri daripada rumah, tanah dan bangunan telah disewakan. Sepanjang tahun 2009, jumlah keseluruhan sewaan yang berjaya dikutip oleh MAIWP adalah RM8.7 juta di mana RM8.03 juta dimasukkan ke dalam hasil sewaan zakat, RM0.64 juta hasil sewaan sumber am dan RM0.03 juta dimasukkan ke dalam hasil sewaan wakaf.

MAIWP turut melaksanakan kemudahan sewa-beli kepada golongan fakir miskin bertujuan membolehkan mereka turut memiliki kediaman sendiri. Pada tahun 2009, terdapat seramai 14 keluarga yang menggunakan kemudahan ini di mana mereka perlu membayar sewa di antara RM121 hingga RM169 sebulan selama 20 tahun bermula Januari 2003.

Jadual 13 :

Pecahan Hasil Sewaan Hartanah MAIWP 2009

BIL.	JENIS HARTANAH	BILANGAN UNIT	KUTIPAN SEWAAN (RM)
1.	Rumah	124 unit	595,543
2.	Tanah	26 lot	328,991
3.	Bangunan	21 unit	7,777,684
JUMLAH		171	8,702,218

Terdapat beberapa isu dan kekeliruan yang telah timbul sepanjang tahun 2009 berhubung hartanah MAIWP. Namun, dengan penjelasan dan penerangan yang diberikan, isu tersebut telah dapat diselesaikan secara baik antara pihak yang terlibat.



Sidang akhbar oleh Tuan Haji Anan bin C. Mohd, Ketua Pegawai Eksekutif MAIWP (2 dari kiri) bagi menjelaskan kekeliruan yang timbul berhubung hartanah MAIWP

Penyelenggaraan Aset Tak Alih

Segala aset tak alih MAIWP yang terdiri daripada bangunan pejabat, institut latihan, pusat perlindungan, premis sewa dan sebagainya sentiasa dipantau dan ditambahbaik bagi memastikan ianya berada pada tahap terbaik selaras dengan piawaian dan peraturan yang ditetapkan oleh pihak berkuasa tempatan

Pada tahun 2009, MAIWP telah membelanjakan sebanyak RM2.83 juta bagi kerja-kerja pembaikan, pengubahsuaian dan menaiktaraf aset tak alih MAIWP. Di antara aktiviti yang melibatkan peruntukan yang besar adalah kerja-kerja mengubahsuai 3 aras Bangunan Daruzzakah di Lorong Haji Hussein 2 untuk dijadikan kaunter tambahan Baitulmal MAIWP.

Pengubahsuaian ini dibuat bagi memberi keselesaan kepada mereka yang berurusan di kaunter Baitulmal terutamanya pemohon-pemohon bantuan zakat. Kerja-kerja tersebut dibuat setelah Pusat Pungutan Zakat MAIWP (PPZ-MAIWP) yang menyewa ruang tersebut berpindah ke ibu pejabat baru di Taman Shamelin Perkasa, Cheras.



Anugerah Pembangunan Hartanah Wakaf Terbaik

Usaha komited dan berterusan MAIWP khususnya dalam membangunkan tanah wakaf telah membolehkannya meraih Anugerah Pembangunan Hartanah Wakaf Terbaik di kalangan Majlis-majlis Agama Islam Negeri daripada Dewan Perdagangan Islam Malaysia dan Universiti Islam Antarabangsa Malaysia. Anugerah tersebut telah disampaikan pada 11 Ogos 2009 di Seminar Pembangunan Hartanah Kebangsaan Menurut Perspektif Islam anjuran Johor Corporation dan Dewan Perdagangan Islam Malaysia yang diadakan di Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM).



Trofi dan sijil yang diterima oleh MAIWP atas kejayaan merangkul Anugerah Pembangunan Hartanah Wakaf Terbaik di kalangan Majlis-majlis Agama Islam Negeri yang disampaikan di Seminar Pembangunan Hartanah Kebangsaan Menurut Perspektif Islam pada 11 Ogos 2009

Pembangunan Teknologi Maklumat dan Komunikasi (ICT)

Seiring dengan perkembangan ICT khususnya di jabatan-jabatan kerajaan, MAIWP telah mengambil inisiatif dengan melancarkan laman web baru pada 21 Ogos 2009. Laman web MAIWP yang boleh dilayari di www.maiwp.gov.my kini berwajah baru dan dimuatkan dengan pelbagai ciri menarik yang menjadikannya lebih interaktif dan berinformasi.

Mulai tahun 2009, setiap bahagian di MAIWP telah mempunyai webmaster masing-masing yang telah dilatih agar dapat memasukkan sendiri sebarang maklumat yang berkaitan ke laman web MAIWP. Dengan cara ini, laman web MAIWP akan sentiasa dapat dikemaskini seterusnya memuatkan informasi yang tepat dan terkini.

Pada tahun ini juga, MAIWP telah melaksanakan Sistem Pengurusan e-Aset. Sistem ini merupakan sistem aplikasi berasaskan web yang bertujuan untuk mengurus dan merekod semua aset yang terdapat di MAIWP. Ianya merangkumi pelbagai fungsi seperti pendaftaran, penempatan, pemindahan, penyelenggaraan, pelupusan dan pinjaman aset, laporan dan juga statistik. Dengan adanya sistem ini, ia dapat memudahkan proses pengurusan aset bagi menggantikan proses sebelum ini yang dijalankan secara manual.



Laman web MAIWP yang berwajah baru

Selain sistem tersebut, MAIWP turut menggunakan beberapa sistem aplikasi lain bertujuan menambah kecekapan dan memudahkan proses kerja. Sistem Kewangan dan Perakaunan MAIWP (SKEAMA) dan Sistem Maklumat Agihan Zakat (SMAS) merupakan antara sistem aplikasi yang digunapakai oleh MAIWP bagi membantu urusan dalam aspek kewangan dan agihan zakat. Kedua-dua sistem tersebut dibangunkan sendiri dengan menggunakan kepakaran tenaga kerja MAIWP.

MAIWP Cawangan Labuan

MAIWP Cawangan Labuan mempunyai seramai 42 orang tenaga kerja, diketuai oleh seorang Pengurus bahagian gred S44 (memangku S48). Pegawai dan kakitangan cawangan ini terdiri daripada 38 orang bertaraf tetap dan 4 orang pegawai dan kakitangan yang bertaraf kontrak pada pelbagai skim perjawatan dan gred. Pada Januari 2009, jumlah kakitangan telah meningkat seramai 20 orang setelah pengurusan Tadika Islam di Wilayah Persekutuan diserahkan kepada MAIWP.

Pada tahun 2009, MAIWP cawangan Labuan telah menerima peruntukan berjumlah RM14.7 juta merangkumi Kumpulan Wang Zakat dan Kumpulan Wang Sumber Am. Daripada jumlah tersebut, RM11.31 juta atau 77% telah dibelanjakan.

Perbelanjaan tersebut merangkumi pengagihan bantuan zakat melalui 26 skim bantuan kepada umat Islam di Labuan. Sepanjang tahun 2009, sebanyak 5,741 permohonan telah diluluskan yang



Pengurus MAIWP Cawangan Labuan, Ustaz Ahmad Talmizi bin Yahaya (kiri) menyerahkan sumbangan kerusi roda kepada penerima bantuan yang lumpuh



Kontinjen MAIWP Labuan yang menyertai Perarakan Maulidur Rasul SAW Peringkat Wilayah Persekutuan Labuan 1430H telah memenangi tempat ketiga bagi kategori sepanduk dan perbarisan

melibatkan perbelanjaan sebanyak RM7.63 juta. Jumlah perbelanjaan atau agihan ini meningkat sebanyak 62% berbanding jumlah perbelanjaan tahun 2008 berjumlah RM4.72.

Pada tahun 2009 juga, MAIWP cawangan Labuan telah menerima kunci bagi 15 unit rumah di Taman Perumahan Ranche-Ranche yang telah siap pada penghujung tahun 2008 yang bernilai RM1.8 juta.

Sepanjang tahun 2009, MAIWP cawangan Labuan telah melaksanakan pelbagai program serta aktiviti seperti Majlis Jalinan Mesra Y.B. Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri Bersama Asnaf, Hari MAIWP Bersama Pelanggan, Majlis Perjumpaan Keluarga Anak Yatim dan Asnaf, Majlis Konvokesyen Tadika Islam MAIWP Labuan, dan beberapa program lain.


Selain daripada aktiviti dan program dalaman, MAIWP cawangan Labuan juga telah menyertai aktiviti yang dianjurkan oleh JAWI Labuan iaitu perarakan sempena Majlis Sambutan Maulidur Rasul 1430H / 2009M Peringkat Wilayah Persekutuan Labuan. Dalam perarakan tersebut, MAIWP Labuan telah memenangi tempat ke-3 dalam acara pertandingan perarakan dan sepanduk.



Pelaburan

Bagi meningkatkan sumber kewangan MAIWP dan mengembangkan dana zakat bagi faedah lapan asnaf, MAIWP telah membuat pelaburan di dalam skim-skim yang dibenarkan oleh Akta 505 dan Jawatankuasa Perundangan Hukum Syarak Wilayah Persekutuan. Jumlah pelaburan MAIWP pada tahun 2009 adalah sebanyak RM161.12 juta.

MAIWP turut melabur di dalam Saham Syarikat yang mana sehingga tahun 2009, jumlah pelaburan adalah RM16.66 juta. Pecahan pelaburan tersebut adalah seperti jadual di bawah:



Jadual 14:
Pecahan Pelaburan MAIWP Dalam Syarikat

BIL.	SYARIKAT	STATUS	JUMLAH SAHAM (RM)
1.	Hartasuci Sdn. Bhd.	Aktif	1,000,000.00
2.	Hospital PUSRAWI Sdn. Bhd.	Aktif	9,960,000.00
3.	Institut Profesional Baitulmal Sdn. Bhd.	Aktif	3,500,000.00
4.	Anggun Mulia Sdn. Bhd.	Aktif	2,200,000.0
5.	Pengangkutan Hartasuci Sdn. Bhd.	Dalam Proses Pembubaran	2.00
JUMLAH			16,660,002.00

Syarikat & Yayasan

MAIWP sehingga kini mempunyai 4 buah syarikat iaitu Hospital PUSRAWI Sdn. Bhd., Hartasuci Sdn. Bhd., Institut Profesional Baitulmal Sdn. Bhd. dan Anggun Mulia Sdn. Bhd. serta sebuah yayasan iaitu Yayasan Taqwa Wilayah Persekutuan.

Satu garis panduan syarikat MAIWP sedang giat dirangka oleh MAIWP pada tahun ini bertujuan

menyelaras dan menyeragamkan pengurusan dan pentadbiran syarikat dan yayasan di bawah MAIWP. Melalui garis panduan tersebut, mereka diharap akan dapat melaksanakan aktiviti mereka mengikut peraturan dan prosedur yang ditetapkan seterusnya merealisasikan matlamat penubuhan masing-masing.

Hospital PUSRAWI Sdn. Bhd.

Sepanjang tahun 2009, prestasi Hospital PUSRAWI Sdn. Bhd. secara keseluruhan bertambah baik berbanding tahun 2008. Jumlah kes yang dikendalikan oleh Hospital PUSRAWI meningkat daripada 230,211 kes pada tahun 2008 kepada 237,188 kes bagi tahun 2009.

Pada tahun 2009, Hospital PUSRAWI mempunyai seramai 522 orang kakitangan merangkumi kakitangan pengurusan dan perubatan. Jumlah tersebut merangkumi 2 orang pakar, seorang dalam bidang perbidanan dan sakit puan dan seorang lagi dalam bidang pakar perubatan (respiratori).



Pasukan perubatan Hospital PUSRAWI sedang melakukan pembedahan menggunakan peralatan perubatan yang moden dan canggih

Jadual 15 :


Perbandingan Bilangan Pesakit Yang Mendapatkan Rawatan di Hospital PUSRAWI 2008 & 2009

BIL.	KATEGORI	TAHUN		JUMLAH
		2008	2009	
1.	Pesakit Luar	216,751 kes	223,431 kes	440,182 kes
2.	Pesakit Dalam	13,460 kes	13,757 kes	27,217 kes
JUMLAH		230,211 kes	237,188 kes	467,399 kes

Hospital PUSRAWI sehingga tahun 2009 mempunyai 3 buah klinik cawangan yang beroperasi di sekitar Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur iaitu di Jalan Ipoh, Taman Permata dan Jalan Semarak.

Hartasuci Sdn. Bhd.

Hartasuci Sdn. Bhd. atau lebih dikenali sebagai Pusat Pungutan Zakat Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (PPZ-MAIWP) sekali lagi berjaya mencapai kutipan melebihi sasaran yang telah ditetapkan untuk tahun 2009 iaitu RM230 juta.





Y.B. Senator Mejar Jeneral Dato' Seri Jamil Khir bin Haji Baharom (B), Menteri di Jabatan Perdana Menteri merangkap Pengerusi MAIWP (kanan) menerima bayaran zakat perniagaan daripada Bank Islam Malaysia Berhad yang diserahkan oleh Dato' Sri Zukri Samat, Pengarah Urusan Bank Islam Malaysia Berhad

Pada tahun 2009, PPZ-MAIWP telah berjaya mengutip zakat sebanyak RM241.97 juta berbanding dengan kutipan pada tahun 2008 sebanyak RM206.26 juta peningkatan sebanyak 17%. Manakala bilangan pembayar yang membuat bayaran zakat di PPZ-MAIWP pada tahun 2009 adalah seramai 78,820 orang berbanding seramai 67,872 orang tahun 2008 meningkat sebanyak 16%.

Secara keseluruhannya, jumlah kutipan zakat yang telah dikumpul oleh PPZ-MAIWP bagi pihak MAIWP semenjak penubuhannya pada tahun 1991 hingga tahun 2009 berjumlah RM1.59 billion.

Jumlah kutipan zakat pendapatan mencatat kutipan tertinggi iaitu RM167.48 juta diikuti zakat harta sebanyak RM25.69 juta, zakat perniagaan RM29.11 juta, zakat wang simpanan RM18.37 juta, lain-lain zakat RM0.87 juta dan qadha zakat sebanyak RM0.43 juta.

Dalam usaha PPZ-MAIWP meningkatkan kutipan dan bilangan pembayar zakat pelbagai kemudahan dan saluran pembayaran disediakan. PPZ-MAIWP telah mengadakan 7 buah kaunter bayaran zakat di Wisma PPZ Dataran Shamelin, Daruzzakah, Masjid Negara, Wangsa Maju, Putrajaya, Masjid At-Taqwa Taman Tun Dr. Ismail dan Labuan. Selain itu PPZ-MAIWP turut menyediakan perkhidmatan lain seperti:

- a) Skim Thohir (skim potongan gaji zakat) untuk kakitangan kerajaan dan swasta
- b) Pembayaran menerusi kaunter-kaunter Bank yang dilantik
- c) Pembayaran menerusi Perbankan Internet

- d) Pembayaran menerusi Mesin ATM
- e) Pembayaran menerusi Perbankan Telefon
- f) Pembayaran menerusi Pejabat Pos di seluruh Wilayah Persekutuan
- g) Pembayaran menerusi Arahan Tetap menggunakan Kad Debit dan Kad Kredit berasaskan syariah
- h) Pembayaran menerusi Mesin Kiosk.
- i) Pembayaran menerusi Ejen Kutipan Persatuan Akauntan & Percukaian Malaysia, Firma Audit dan Syarikat Pemegang Amanah.
- j) Pembayaran menerusi Ejen ANGKASA

PPZ-MAIWP turut melantik beberapa Kaunter Angkat PPZ-MAIWP sepanjang tahun 2009 bagi kemudahan pembayar-pembayar zakat. Kaunter Pejabat Pos Gombak telah dilantik sebagai Kaunter Angkat PPZ-MAIWP pada bulan Ogos sementara Kaunter Bank Muamalat (M) Berhad Cawangan Bandar Tasik Selatan pada bulan Disember.

Institut Profesional Baitulmal Sdn. Bhd.

Pada tahun 2009, Institut Profesional Baitulmal (IPB) telah menerima kemasukan seramai 1,089 orang pelajar yang dikategorikan kepada dua kategori, iaitu pelajar Program Usahasama Universiti Teknologi MARA (UiTM) dan pelajar Program Profesional. Kemasukan pelajar baru pada tahun ini meningkat seramai 206 orang atau 23.3% berbanding tahun 2008 iaitu seramai 883 orang.

Program Usahasama UiTM merangkumi kursus-kursus berikut:

- a) Pra Perdagangan
- b) Diploma Pengajian Perniagaan (DBS)
- c) Diploma Perakaunan (DIA)
- d) Diploma Sains Komputer (DSK)
- e) Diploma Sistem Maklumat Perakaunan (DAIS)

Manakala Program Profesional adalah:

- a) Pra The London Chamber Of Commerce And Industry International Qualification (LCCI)
- b) The London Chamber Of Commerce And Industry International Qualification (LCCI)
- c) Certified Accounting Technician (CAT)
- d) Certified Tax Institute Of Malaysia (CTIM)

Jumlah keseluruhan pelajar yang mengikuti pengajian di IPB sepanjang tahun 2009 adalah seramai 1,440 orang.

Jadual 16:

Pecahan Pelajar IPB Tahun 2009 Mengikut Kursus

BIL.	KURSUS	JUMLAH PELAJAR
1.	Pra Perdagangan	182
2.	Diploma Pengajian Perniagaan (DBS)	241
3.	Diploma Perakaunan (DIA)	205
4.	Diploma Sains Komputer (DSK)	6
5.	Diploma Sistem Maklumat Perakaunan (DAIS)	14
6.	Pre The London Chamber Of Commerce And Industry International Qualification (LCCI)	134
7.	The London Chamber Of Commerce And Industry International Qualification (LCCI)	515
8.	Certified Accounting Technician (CAT)	101
9.	Certified Tax Institute Of Malaysia (CTIM)	30
10.	Bachelor Of Administration With Honours (BBA)	5
11.	Bachelor Of Accounting With Honours (BAC)	7
JUMLAH		1,440

Seramai 574 orang graduan telah berjaya dilahirkan oleh IPB pada tahun ini di mana seramai 76 orang telah memperolehi keputusan cemerlang dan dianugerahkan dengan Anugerah Dekan. Lebih membanggakan apabila seorang pelajar IPB iaitu Nurhafiza binti Hussein, pelajar Diploma Pengajian Perniagaan telah mendapat Anugerah Naib Canselor UiTM.

Para pelajar di IPB mendapat kemudahan biasiswa dan pinjaman daripada pelbagai pihak. Sebahagian besar pelajar iaitu seramai 1,086 orang menerima bantuan zakat daripada Baitulmal MAIWP melalui Skim Bantuan Pelajar IPB. Agensi-agensi lain seperti Majlis Amanah

Rakyat (MARA) dan Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Malaysia (PTPTN) turut menyediakan bantuan kewangan kepada para pelajar IPB.

Selaras dengan hasrat IPB untuk meluaskan lagi perkhidmatannya, sebanyak 3 kursus baru telah ditawarkan mulai tahun 2009. Kursus-kursus tersebut adalah Diploma Sistem Maklumat Perakaunan UiTM, Bachelor of Administration With Honours (BBA) dan Bachelor Of Accounting With Honours (BAC). Kursus BBA dan BAC merupakan kursus yang ditawarkan dengan kerjasama Universiti Terbuka Malaysia (OUM).



Y.Bhg. Tan Sri Dato' Hj Hanafiah bin Haji Ahmad (kiri), Pengerusi Institut Profesional Baitulmal menyerahkan Memorandum Persefahaman (MoU) kepada Y.Bhg. Prof. Tan Sri Anwar Ali, Naib Canselor Universiti Terbuka Malaysia yang membolehkan IPB menawarkan 3 kursus dengan kerjasama OUM

IPB telah menyertai hampir 60 aktiviti promosi merangkumi program pameran, karnival pendidikan, taklimat di sekolah-sekolah terpilih, roadshow dan lain-lain aktiviti bertujuan memperkenalkan IPB kepada masyarakat. Dengan usaha yang diambil ini, diharapkan IPB akan menjadi pilihan kepada pelajar-pelajar untuk menyambung pengajian ke peringkat tinggi.

Anggun Mulia Sdn. Bhd.

Secara keseluruhannya, Anggun Mulia Sdn. Bhd. yang menguruskan Kolej Kejururawatan PUSRAWI menunjukkan perkembangan yang baik pada tahun 2009. Suntikan modal oleh MAIWP pada tahun 2008 membolehkan pihak pengurusan membuat penambahbaikan terutamanya bagi memenuhi syarat dan keperluan yang ditetapkan oleh Agensi Kelayakan Malaysia (MQA). Antara penambahbaikan yang dilakukan adalah:



- a) menambahbaik kemudahan Kolej termasuk membina wad simulasi;
- b) menambah bilangan buku-buku di perpustakaan Kolej dan membeli 20 komputer untuk kemudahan pelajar dan pengajar; dan
- c) menambah bilangan guru berdasarkan kuota yang ditetapkan oleh MQA.

Hasil daripada penambahbaikan tersebut, Kolej telah diberikan akreditasi penuh oleh MQA pada Jun 2009. Sepanjang tahun 2009, seramai 202 orang pelajar mengikuti pengajian. Pada Julai 2009, permohonan Kolej bagi menambah kuota pengambilan pelajar telah diluluskan oleh Lembaga Jururawat Malaysia (LJM) di mana kuota tersebut telah dinaikkan daripada 80 orang kepada 210 orang setiap tahun. Pendaftaran pelajar dijangka akan dapat mencapai angka 300 orang pada tahun 2010 dan 500 orang menjelang tahun 2011.

Jadual 17:

Unjuran Jumlah Pelajar Kolej Kejururawatan PUSRAWI 5 Tahun 2010 Hingga 2014

BIL.	TAHUN	UNJURAN JUMLAH PELAJAR
1.	2010	345
2.	2011	500
3.	2012	545
4.	2013	545
5.	2014	545



Y.A. Berbahagia Datin Paduka Seri Rosmah Mansor menyampaikan sijil kepada salah seorang pelajar Kolej Kejururawatan PUSRAWI di majlis konvokesyen Kolej tersebut

Oleh yang demikian, bagi memantapkan pengurusan Kolej seiring dengan pertambahan pelajar, seramai 13 orang kakitangan baru telah diambil menjadikan jumlah keseluruhan kakitangan seramai 41 orang iaitu 22 orang kakitangan akademik manakala 19 orang di bahagian pentadbiran.

Kualiti perkhidmatan tenaga pengajar dan kakitangan sokongan sentiasa diberi perhatian. Pada tahun 2009, dua orang tenaga pengajar Kolej telah dihantar mengikuti kursus di bawah Kementerian Kesihatan. Selain kursus tersebut, beberapa kursus dalaman turut diadakan kepada tenaga-tenaga pengajar.

Sepanjang tahun 2009, pihak pengurusan Kolej telah merancang untuk memperkenalkan beberapa kursus lain selain kursus kejururawatan. Kursus-kursus tersebut adalah seperti Diploma Kesihatan Persekitaran, Diploma

Farmasi, dan Diploma Fisioterapi. Penambahan kursus ini dijangka akan dijalankan pada tahun akan datang setelah beberapa kemudahan dan keperluan dapat disediakan.

Yayasan Taqwa Wilayah Persekutuan

Yayasan Taqwa Wilayah Persekutuan telah ditubuhkan pada 20 November 1990 sebagai syarikat berhad milik penuh MAIWP yang berfungsi membantu MAIWP untuk melaksanakan aktiviti-aktiviti kebajikan, sosial dan kemajuan agama Islam di samping membantu rakyat Malaysia tanpa mengambil kira bangsa, agama dan kepercayaan.

Sepanjang tahun 2009, Yayasan Taqwa telah membelanjakan sebanyak RM8.02 juta bagi aktiviti-aktiviti berkenaan. Pecahan perbelanjaan tersebut adalah seperti berikut:

Jadual 18:

*Pecahan Perbelanjaan Bagi Program/Aktiviti
Yayasan Taqwa Wilayah Persekutuan 2009*

BIL.	AKTIVITI	PERBELANJAAN (RM)
1.	Sumbangan kepada badan amal dan agensi berkaitan program usahasama Yayasan Taqwa dalam melaksanakan program keagamaan	5,633,612
2.	Sumbangan kepada individu	2,391,210
JUMLAH		8,024,822

Antara program/ aktiviti yang dijalankan adalah seperti berikut:

- Program Dakwah Bil Hal kepada pesakit di Hospital Kuala Terengganu dan Hospital Kuala Kangsar
- Mengedar Tafsir Al-Quran kepada hotel-hotel bertaraf 3 bintang dan ke atas di sekitar Kuala Lumpur
- Bantuan Am Pelajaran kepada pelajar-pelajar miskin di luar Wilayah Persekutuan
- Membiayai sebahagian dari kos pembedahan pesakit scoliosis
- Bantuan memulakan persekolahan untuk pelajar miskin di Sekolah Rendah Agama di seluruh Malaysia kecuali Wilayah Persekutuan
- Bayaran elaun bulanan kepada pendakwah muallaf untuk mengembangkan agama Islam (Mubaligh)
- Program Ekspedisi Kasih ke perkampungan orang asli di Gua Musang, Kelantan
- Program gotong-royong membersihkan surau di Surau Ar-Rahman Presint 16, Putrajaya

Yayasan Taqwa sehingga akhir tahun 2009 mempunyai seramai 9 orang tenaga kerja yang terdiri daripada Pengurus Besar, Akauntan merangkap Setiausaha Syarikat, Pengurus dan kakitangan sokongan.

Pada tahun 2009, Yayasan Taqwa telah meneruskan program "Jom Ke Sekolah" yang telah dilancarkan pada akhir tahun 2008 ke negeri seluruh Malaysia. Program

ini menyampaikan bantuan peralatan persekolahan kepada anak-anak daripada keluarga yang kurang berkemampuan.

Beberapa buah negara lain turut menerima sumbangan daripada Yayasan Taqwa. Antaranya Kemboja, Indonesia dan Thailand. Sumbangan yang diberikan berbentuk bantuan bagi menambahbaik infrastruktur institusi pendidikan dan membantu mereka yang kurang bernasib baik.



Tuan Haji Ahmad Ayob bin Ibrahim (kanan), Pengurus Besar Yayasan Taqwa menyampaikan sumbangan kepada umat Islam di Kemboja

Prihatin dengan nasib umat Islam di Kemboja, Yayasan Taqwa telah membentuk satu kerjasama khusus dengan beberapa persatuan Islam di negara tersebut yang dikenali dengan Majlis Muafakat Dakwah Malaysia-Kemboja. Antara sumbangan yang diberikan adalah bantuan kepada Tabung Pendidikan Islam Kemboja, tajaan penerbitan dan pembekalan buku "Mari Kita Solat" dalam bahasa Khmer dan sumbangan kepada Majlis Pimpinan Tertinggi Umat Islam Kemboja.



PENUTUP

Semoga segala usaha yang telah dilaksanakan oleh MAIWP mendapat penerimaan yang positif daripada masyarakat Islam khususnya di Wilayah Persekutuan. InsyaAllah dengan kemampuan yang dimiliki dan

sokongan semua pihak, MAIWP akan terus menabur bakti kepada masyarakat Islam selaras dengan amanah dan tanggungjawab yang dipikul.

Y.B. SENATOR MEJAR JENERAL DATO' SERI JAMIL KHIR BIN HAJI BAHAROM (B)

Menteri di Jabatan Perdana Menteri

merangkap Pengerusi

Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan

LAPORAN KEWANGAN MAIWP

(Luqman menasihati anaknya dengan berkata): "Wahai anak kesayanganku, sesungguhnya jika ada sesuatu perkara (yang baik atau yang buruk) sekalipun seberat biji sawi, serta ia tersembunyi di dalam batu besar atau di langit atau pun di bumi, sudah tentu akan dibawa oleh Allah (untuk dihakimi dan dibatasNya); kerana sesungguhnya Allah Maha Halus pengetahuanNya; lagi Amat Meliputi akan segala yang tersembunyi.

(Surah Luqman : Ayat 16)



**SIJIL KETUA AUDIT NEGARA
MENGENAI PENYATA KEWANGAN
MAJLIS AGAMA ISLAM WILAYAH PERSEKUTUAN
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2009**


Saya telah mengaudit Penyata Kewangan Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan dan Kumpulan bagi tahun berakhir 31 Disember 2009. Pihak pengurusan bertanggungjawab terhadap Penyata Kewangan ini. Tanggungjawab saya adalah mengaudit dan memberi pendapat terhadap Penyata Kewangan tersebut.

Pengauditan telah dilaksanakan mengikut Akta Audit 1957 dan berpandukan piawaian pengauditan yang diluluskan. Piawaian tersebut menghendaki pengauditan dirancang dan dilaksanakan untuk mendapat kepastian yang munasabah sama ada Penyata Kewangan adalah bebas daripada kesilapan atau ketinggalan yang ketara. Pengauditan ini termasuk memeriksa rekod secara semak uji, menyemak bukti yang menyokong angka dan memastikan pendedahan yang mencukupi dalam Penyata Kewangan. Penilaian juga dibuat terhadap prinsip perakaunan yang digunakan, unjuran signifikan oleh pengurusan dan persembahan Penyata Kewangan secara keseluruhan. Saya percaya pengauditan yang dilaksanakan memberi asas yang munasabah terhadap pendapat saya.

Pada pendapat saya, Penyata Kewangan ini memberi gambaran yang benar dan saksama terhadap kedudukan kewangan Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan dan Kumpulan pada 31 Disember 2009, hasil operasi dan aliran tunai untuk tahun tersebut berdasarkan piawaian perakaunan yang diluluskan.

Saya telah mempertimbangkan Penyata Kewangan dan laporan juruaudit bagi semua syarikat subsidiari yang tidak diaudit oleh saya seperti yang dinyatakan dalam nota kepada Penyata Kewangan Disatukan. Saya berpuas hati bahawa Penyata Kewangan berkenaan telah disatukan dengan Penyata Kewangan Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan adalah dalam bentuk dan kandungan yang sesuai dan wajar bagi tujuan penyediaan Penyata Kewangan Disatukan. Saya juga telah menerima maklumat dan penjelasan yang memuaskan sebagaimana yang dikehendaki bagi tujuan tersebut.

Laporan juruaudit mengenai Penyata Kewangan syarikat subsidiari berkenaan tidak mengandungi sebarang pemerhatian yang boleh menjejaskan Penyata Kewangan yang disatukan.


(TAN SRI DATO' SETIA HAJI AMBRIN BIN BUANG)
Ketua Audit Negara
Malaysia

PUTRAJAYA
23 JULAI 2010





**PENYATA KEWANGAN
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2009**



MAJLIS AGAMA ISLAM WILAYAH PERSEKUTUAN

PENYATA Pengerusi dan Seorang

Ahli Majlis Agama

Islam Wilayah Persekutuan

Kami **YANG BERTHORMAT DATO' SERI JAMIL KHIR BIN HAJI BAHAROM** dan **HAJJAH JAMELA BT MOHD SYED** yang merupakan Pengerusi dan salah seorang Ahli Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan dengan ini menyatakan bahawa, pada pendapat Ahli-Ahli Majlis, Penyata Kewangan yang mengandungi Lembaran Imbangan, Penyata Pendapatan, Penyata Perubahan Kumpulan Wang dan Penyata Aliran Tunai yang berikut ini berserta dengan nota-nota kepada Penyata Kewangan di dalamnya, adalah disediakan untuk menunjukkan pandangan yang benar dan saksama berkenaan kedudukan **Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan** dan Kumpulan pada **31 Disember 2009** dan hasil kendaliannya serta perubahan kedudukan kewangannya bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut.

Bagi Pihak Ahli Majlis,

Y.B. Dato' Seri Jamil Khir

Bin Haji Baharom

Gelaran : **Pengerusi**

Tarikh : 28 APR 2010

Lot 150, Bangunan PERKIM

Jalan Ipoh

51200 Kuala Lumpur

Bagi Pihak Ahli Majlis,

Hajjah Jamela Bt Mohd Syed

Gelaran : **Ahli Majlis**

Tarikh : 28 APR 2010

Lot 150, Bangunan PERKIM

Jalan Ipoh

51200 Kuala Lumpur




**MAJLIS AGAMA ISLAM WILAYAH PERSEKUTUAN
PENGAKUAN OLEH PEGAWAI UTAMA
YANG BERTANGGUNGJAWAB
KE ATAS PENGURUSAN KEWANGAN
MAJLIS AGAMA ISLAM WILAYAH PERSEKUTUAN**

Saya **DATO' HAJI CHE MAT BIN CHE ALI**, pegawai utama yang bertanggungjawab ke atas pengurusan kewangan dan rekod-rekod perakaunan Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan, dengan ikhlasnya mengakui bahawa Lembaran Imbangan, Penyata Pendapatan, Penyata Perubahan Kumpulan Wang dan Penyata Aliran Tunai dalam kedudukan kewangan yang berikut ini berserta dengan nota-nota kepada Penyata Kewangan di dalamnya mengikut sebaik-baik pengetahuan dan kepercayaan saya, adalah betul dan saya membuat ikrar ini dengan sebenarnya mempercayai bahawa ia adalah benar dan atas kehendak Akta Akuan Berkanun, 1960.

Sebenarnya dan sesungguhnya
diakui oleh penama di atas
di Kuala Lumpur
pada 28 APR 2010



Suite 14-6-2, Block B,
Jalan 3/50, Diamond Square,
Off Jalan Gombak,
53000 Kuala Lumpur

) 
)
) (DATO' HAJI CHE MAT BIN CHE ALI)
) Setiausaha,
Majlis Agama Islam Wilayah
Persekutuan

Di hadapan saya,



MAJLIS AGAMA ISLAM WILAYAH PERSEKUTUAN

LEMBARAN IMBANGAN KUMPULAN
PADA 31 DISEMBER 2009

	Nota	2009 RM	2008 RM
ASET BUKAN SEMASA			
Hartanah, loji dan peralatan	5	489,768,550	411,380,452
Harta dalam kemajuan	6	10,050,956	3,959,455
Pelaburan dalam saham	8	6,504,996	5,994,712
Lain-lain Pelaburan	9	56,804,600	38,100,000
		<u>563,129,102</u>	<u>459,434,619</u>
ASET SEMASA			
Inventori	10	2,767,816	3,291,641
Penghutang perniagaan dan lain-lain penghutang	12	39,125,655	58,237,439
Cukai akan diterima semula		1,197,304	1,277,516
Deposit dengan bank berlesen	13	191,641,362	258,529,590
Baki tunai di tangan dan di bank		151,460,972	160,342,063
		<u>386,193,109</u>	<u>481,678,249</u>
LIABILITI SEMASA			
Pemiutang perniagaan dan lain-lain pemiutang	15	36,082,829	40,917,336
Wang khas dan istibdal	16	4,249,518	5,203,584
Pinjaman-pinjaman	17	3,838,841	8,798,588
Peruntukan cukai		619,805	702,085
		<u>44,790,993</u>	<u>55,621,593</u>
ASET SEMASA BERSIH		<u>341,402,116</u>	<u>426,056,656</u>
		<u>904,531,218</u>	<u>885,491,275</u>
DIBIAYAI:			
Kumpulan wang terkumpul		<u>895,214,832</u>	<u>816,440,472</u>
KEPENTINGAN MINORITI		<u>3,358,685</u>	<u>3,259,131</u>
LIABILITI JANGKA PANJANG			
Pinjaman-pinjaman	17	5,240,767	65,129,657
Cukai tertunda	18	716,934	662,015
		<u>5,957,701</u>	<u>65,791,672</u>
		<u>904,531,218</u>	<u>885,491,275</u>

Nota-nota yang dibentangkan menjadi sebahagian asasi Penyata Kewangan ini.



MAJLIS AGAMA ISLAM WILAYAH PERSEKUTUAN

**PENYATA PENDAPATAN KUMPULAN
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2009**

	Nota	2009 RM	2008 RM
HASIL	19	345,885,829	302,460,248
PERBELANJAAN	20	(150,991,446)	(137,752,811)
LEBIHAN KASAR		<u>194,894,383</u>	<u>164,707,437</u>
LAIN-LAIN PENDAPATAN	21	16,308,863	10,934,073
LAIN-LAIN PERBELANJAAN	22	(122,471,592)	(104,171,577)
KOS KEWANGAN	23	(6,371,141)	(9,636,608)
LEBIHAN DARIPADA OPERASI		<u>82,360,513</u>	<u>61,833,325</u>
CUKAI	24	(1,404,090)	(1,247,559)
KEPENTINGAN MINORITI		(100,354)	(348,694)
ZAKAT		(38,091)	-
LEBIHAN BAGI TAHUN SEMASA		<u><u>80,817,978</u></u>	<u><u>60,237,072</u></u>

Nota-nota yang dibentangkan menjadi sebahagian asasi Penyata Kewangan ini



MAJLIS AGAMA ISLAM WILAYAH PERSEKUTUAN
PENYATA PERUBAHAN KUMPULAN WANG KUMPULAN
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2009

Nota	Pendapatan Tersimpan RM	Rizab Tabung Pinjaman RM	Rizab Penilaian RM	Jumlah RM
Baki pada 1 Januari 2008	592,462,190	3,000,000	160,741,210	756,203,400
Lebihan pendapatan	60,237,072	-	-	60,237,072
Baki pada 31 Disember 2008	652,699,262	3,000,000	160,741,210	816,440,472
Pelarasan tahun terdahulu	(2,043,618)	-	-	(2,043,618)
Baki pada 1 Januari 2009 setepas pelarasan	650,655,644	3,000,000	160,741,210	814,396,854
Lebihan pendapatan	80,817,978	-	-	80,817,978
Baki pada 31 Disember 2009	731,473,622	3,000,000	160,741,210	895,214,832

Nota-nota yang dibentangkan menjadi sebahagian asasi Penyata Kewangan ini.



MAJLIS AGAMA ISLAM WILAYAH PERSEKUTUAN

**PENYATA ALIRAN TUNAI KUMPULAN
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2009**

	Nota	2009 RM	2008 RM
ALIRAN TUNAI DARI AKTIVITI OPERASI			
Lebihan sebelum cukai dan zakat		82,360,513	61,833,325
Pelarasan untuk :			
Belanja susutnilai		20,413,912	18,003,282
Elaun hutang ragu		1,036,864	2,196,501
Pendapatan dari simpanan dan pelaburan		(6,757,845)	(6,816,768)
Keuntungan pinjaman Al-Ijarah		5,363,170	6,302,710
Keuntungan penyelesaian pinjaman Al-Ijarah		(4,520,478)	-
Pelbagai hapuskira		5,510	9,447,871
Keuntungan pinjaman Al-Bai Bithamin Ajil		777,949	982,494
Harta dalam kemajuan di hapuskira		148,660	61,580
Keuntungan jualan hartanah, loji dan peralatan		(68,445)	(63,420)
Kerugian jualan hartanah, loji dan peralatan		1,058,227	-
Keuntungan jualan saham		-	(21,408)
Pelarasan baki awal hartanah, loji dan peralatan		-	60,308
Hutang ragu diperolehi semula		(130,821)	(56,677)
Rosotnilai saham		3,195,400	1,217,571
Pelarasan bagi tahun		(2,043,618)	(1,071,527)
ALIRAN TUNAI DARI AKTIVITI OPERASI SEBELUM PERUBAHAN MODAL KERJA		100,838,998	92,075,842
<i>Perubahan modal kerja:</i>			
Pengurangan inventori		523,825	105,296
Pengurangan/(pertambahan) penghutang perniagaan dan lain-lain penghutang		18,200,231	(33,815,765)
Pengurangan wang khas dan istibdal		(954,066)	(1,968,224)
Pertambahan/(pengurangan) pemiutang perniagaan dan lain-lain pemiutang		(4,834,507)	2,908,136
Tunai dari aktiviti operasi		113,774,481	59,305,285
TUNAI DIJANA DARIPADA OPERASI			
Pendapatan dari simpanan dan pelaburan		6,757,845	6,816,768
Keuntungan pinjaman Al-Ijarah		(5,363,170)	(6,302,710)
Keuntungan pinjaman Al-Bai Bithamin Ajil		(777,949)	(982,494)
Dividen kepada kepentingan minoriti		(800)	(83,250)
Zakat dibayar		(38,091)	-
Cukai dibayar		(1,351,239)	(1,983,771)
ALIRAN MASUK TUNAI BERSIH DARIPADA AKTIVITI OPERASI		113,001,077	56,769,828

Nota-nota yang dibentangkan menjadi sebahagian asasi Penyata Kewangan ini



MAJLIS AGAMA ISLAM WILAYAH PERSEKUTUAN

PENYATA ALIRAN TUNAI KUMPULAN (SAMBUNGAN)
BAGI TAHUN BERAHIR 31 DISEMBER 2009

	Nota	2009 RM	2008 RM
ALIRAN TUNAI DARI AKTIVITI PELABURAN			
Pembelian hartanah, loji dan peralatan		(99,498,124)	(24,091,353)
Penjualan hartanah, loji dan peralatan		4,683,522	149,486
Pembelian sijil pelaburan		(3,705,684)	(779)
Pembelian dana berbentuk syariah		(18,704,600)	(38,100,000)
Penjualan sijil pelaburan		-	1,561,485
Peningkatan dalam harta dalam kemajuan		(11,217,351)	(5,094,415)
ALIRAN KELUAR TUNAI BERSIH DARIPADA AKTIVITI PELABURAN		(128,442,237)	(65,575,576)
ALIRAN TUNAI DARI AKTIVITI PEMBIAYAAN			
Pembayaran kepada pinjaman		(60,328,159)	(8,182,201)
Penambahan pinjaman-sewa beli		-	189,892
Penambahan pinjaman-pajakan		-	2,132,521
ALIRAN KELUAR TUNAI BERSIH DARIPADA AKTIVITI PEMBIAYAAN		(60,328,159)	(5,859,788)
KURANGAN DALAM TUNAI DAN KESETARAAN TUNAI BERSIH		(75,769,319)	(14,665,536)
TUNAI DAN KESETARAAN TUNAI PADA AWAL TAHUN		418,871,653	433,537,189
TUNAI DAN KESETARAAN TUNAI PADA AKHIR TAHUN		343,102,334	418,871,653
TUNAI DAN KESETARAAN TUNAI TERDIRI DARIPADA:			
Deposit dengan bank berlesen	13	191,641,362	258,529,590
Baki tunai di tangan dan di bank		151,460,972	160,342,063
		343,102,334	418,871,653

Nota-nota yang dibentangkan menjadi sebahagian asasi Penyata Kewangan ini



MAJLIS AGAMA ISLAM WILAYAH PERSEKUTUAN

**LEMBARAN IMBANGAN
PADA 31 DISEMBER 2009**

	Nota	2009 RM	2008 RM
ASET BUKAN SEMASA			
Hartanah, loji dan peralatan	5	452,036,116	372,950,602
Harta dalam kemajuan	6	10,050,956	3,839,455
Pelaburan dalam syarikat-syarikat subsidiari	7	16,660,000	16,660,000
Pelaburan dalam saham	8	5,758,667	5,248,384
Lain-lain Pelaburan	9	56,804,600	38,100,000
		<u>541,310,339</u>	<u>436,798,441</u>
ASET SEMASA			
Jumlah terhutang oleh syarikat-syarikat subsidiari	11	2,625,919	3,564,657
Penghutang perniagaan dan lain-lain penghutang	12	12,432,960	32,293,029
Deposit dengan bank berlesen	13	174,736,237	244,804,015
Baki tunai di tangan dan di bank		135,014,093	147,954,758
		<u>324,809,209</u>	<u>428,616,459</u>
LIABILITI SEMASA			
Jumlah terhutang kepada syarikat-syarikat subsidiari	14	3,998,317	5,373,363
Pemiutang perniagaan dan lain-lain pemiutang	15	8,593,848	15,841,862
Wang khas dan istibdal	16	4,249,518	5,203,584
Pinjaman-pinjaman	17	-	4,000,000
		<u>16,841,683</u>	<u>30,418,809</u>
ASET SEMASA BERSIH		<u>307,967,526</u>	<u>398,197,650</u>
		<u>849,277,865</u>	<u>834,996,091</u>
DIBIYAI:			
Kumpulan wang terkumpul		<u>849,277,865</u>	<u>778,468,996</u>
LIABILITI JANGKA PANJANG			
Pinjaman-pinjaman	17	-	56,527,095
		<u>849,277,865</u>	<u>834,996,091</u>

Nota-nota yang dibentangkan menjadi sebahagian asasi Penyata Kewangan ini.



MAJLIS AGAMA ISLAM WILAYAH PERSEKUTUAN

**PENYATA PENDAPATAN
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2009**

	Nota	2009 RM	2008 RM
HASIL	19	263,235,667	225,075,690
PERBELANJAAN	20	(139,350,526)	(122,581,530)
LEBIHAN KASAR		<u>123,885,141</u>	<u>102,494,160</u>
LAIN-LAIN PENDAPATAN	21	14,925,218	8,999,593
LAIN-LAIN PERBELANJAAN	22	(60,374,925)	(49,622,346)
KOS KEWANGAN	23	(5,582,947)	(8,631,724)
LEBIHAN DARIPADA OPERASI		<u>72,852,487</u>	<u>53,239,683</u>
CUKAI	24	-	-
LEBIHAN BAGI TAHUN SEMASA		<u><u>72,852,487</u></u>	<u><u>53,239,683</u></u>

Nota-nota yang dibentangkan menjadi sebahagian asasi Penyata Kewangan ini



MAJLIS AGAMA ISLAM WILAYAH PERSEKUTUAN
PENYATA PERUBAHAN KUMPULAN WANG MAJLIS
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2009

	Nota	Pendapatan Tersimpan RM	Rizab Tabung Pinjaman RM	Rizab Penilaian RM	Jumlah RM
Baki pada 1 Januari 2008		561,488,104	3,000,000	160,741,209	725,229,313
Lebihan pendapatan		53,239,683	-	-	53,239,683
Baki pada 31 Disember 2008		<u>614,727,787</u>	<u>3,000,000</u>	<u>160,741,209</u>	<u>778,468,996</u>
Pelarasan tahun terdahulu	25	(2,043,618)	-	-	(2,043,618)
Baki pada 1 Januari 2009 selepas pelarasan		<u>612,684,169</u>	<u>3,000,000</u>	<u>160,741,209</u>	<u>776,425,378</u>
Lebihan pendapatan		72,852,487	-	-	72,852,487
Baki pada 31 Disember 2009		<u><u>685,536,656</u></u>	<u><u>3,000,000</u></u>	<u><u>160,741,209</u></u>	<u><u>849,277,865</u></u>

Nota-nota yang dibentangkan menjadi sebahagian asasi Penyata Kewangan ini



MAJLIS AGAMA ISLAM WILAYAH PERSEKUTUAN

PENYATA ALIRAN TUNAI
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2009

Nota	2009 RM	2008 RM
ALIRAN TUNAI DARI AKTIVITI OPERASI		
Lebihan sebelum cukai dan zakat	72,852,487	53,239,683
Pelarasan untuk :		
Belanja susutnilai	15,698,525	13,151,141
Elaun hutang ragu	16,592	-
Pelbagai hapuskira	5,510	9,447,871
Harta dalam kemajuan di hapuskira	28,660	61,580
Pendapatan dari simpanan dan pelaburan	(6,517,630)	(6,372,764)
Kerugian atas penjualan aset	1,054,656	-
Keuntungan pinjaman Al-Ijarah	5,363,170	6,302,710
Keuntungan jualan aset	(33,446)	(124,014)
Keuntungan penyelesaian pinjaman Al-Ijarah	(4,520,478)	-
Peruntukan rosot nilai saham	3,195,400	354,676
Pelarasan baki awal hartanah, loji dan peralatan	-	60,307
Hutang ragu di perolehi semula	(123,156)	(41,847)
Pelarasan bagi tahun terdahulu	(2,043,618)	(1,070,479)
ALIRAN TUNAI DARI AKTIVITI OPERASI SEBELUM PERUBAHAN MODAL KERJA	84,976,672	75,008,864
<i>Perubahan modal kerja:</i>		
Pengurangan/(pertambahan) penghutang perniagaan dan lain-lain penghutang	19,961,123	(27,891,765)
Pengurangan pemiutang perniagaan dan lain- lain pemiutang	(7,248,014)	(2,679,003)
Pengurangan wang khas dan istibdal (Pertambahan)/pengurangan terhutang oleh syarikat subsidiari	(954,066)	(1,968,224)
Pengurangan terhutang kepada syarikat subsidiari	938,738	(373,497)
	(1,375,046)	(284,893)
Tunai dari aktiviti operasi	96,299,407	41,811,482
TUNAI DIJANA DARIPADA OPERASI		
Pendapatan dari simpanan dan pelaburan	6,517,630	6,372,764
Keuntungan pinjaman Al-Ijarah	(5,363,170)	(6,302,710)
ALIRAN MASUK TUNAI BERSIH DARIPADA AKTIVITI OPERASI	97,453,867	41,881,536

Nota-nota yang dibentangkan menjadi asasi Penyata Kewangan ini.



MAJLIS AGAMA ISLAM WILAYAH PERSEKUTUAN

PENYATA ALIRAN TUNAI (SAMBUNGAN) BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2009

	Nota	2009 RM	2008 RM
ALIRAN TUNAI DARI AKTIVITI PELABURAN			
Pembelian hartanah, loji dan peralatan		(95,435,500)	(16,491,365)
Penjualan hartanah, loji dan peralatan		4,607,441	124,015
Pembelian sijil pelaburan		(510,283)	-
Pembelian dana berbentuk syariah		(21,900,000)	(38,100,000)
Penjualan sijil pelaburan		-	-
Penambahan dana dalam syarikat subsidiari		-	(2,000,000)
Peningkatan harta dalam kemajuan		(11,217,351)	(4,974,415)
ALIRAN KELUAR TUNAI BERSIH		(124,455,693)	(61,441,765)
DARIPADA AKTIVITI PELABURAN			
ALIRAN TUNAI DARI AKTIVITI PEMBIAYAAN			
Pembayaran kepada pinjaman Al-Ijarah		(56,006,617)	(4,000,000)
ALIRAN KELUAR TUNAI BERSIH		(56,006,617)	(4,000,000)
DARIPADA AKTIVITI PEMBIAYAAN			
KURANGAN DALAM TUNAI		(83,008,443)	(23,560,229)
DAN KESETARAAN TUNAI BERSIH			
TUNAI DAN KESETARAAN TUNAI PADA AWAL TAHUN		392,758,773	416,319,002
TUNAI DAN KESETARAAN TUNAI PADA AKHIR TAHUN		309,750,330	392,758,773
TUNAI DAN KESETARAAN TUNAI TERDIRI DARIPADA:			
Deposit dengan bank berlesen	13	174,736,237	244,804,015
Baki tunai di tangan dan di bank		135,014,093	147,954,758
		309,750,330	392,758,773

Nota-nota yang dibentangkan menjadi asasi Penyata Kewangan ini.



MAJLIS AGAMA ISLAM WILAYAH PERSEKUTUAN

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2009

1. MAKLUMAT KORPORAT

Majlis Agama Islam Wilayah-Wilayah Persekutuan (MAIWP) ditubuhkan berdasarkan peruntukan di dalam Perkara 3(5) Perlembagaan Persekutuan, Seksyen 4(1), Akta Pentadbiran Undang-Undang Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1993, (Akta 505) dan Seksyen 3, Akta 505.

Ibu Pejabat MAIWP terletak di Tingkat 10, Bangunan PERKIM, Jalan Ipoh, 52100 Kuala Lumpur. Sehingga 31 Disember 2009, MAIWP beroperasi di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Putrajaya dan Labuan.

2. AKTIVITI UTAMA

Kegiatan utama Majlis adalah untuk memajukan, merangsang, memudahkan dan melaksanakan pembangunan ekonomi dan sosial serta kebajikan komuniti orang-orang Islam di Wilayah Persekutuan mengikut Perundangan Islam.

Kegiatan utama syarikat-syarikat subsidiari didalam kumpulan adalah seperti yang dinyatakan di dalam Nota 7 kepada penyata kewangan ini.

3. POLISI PERAKAUNAN YANG PENTING

a. Asas Perakaunan

Penyata kewangan Majlis telah disediakan berpandukan konvensyen kos sejarah dan piawaian perakaunan yang diluluskan oleh MASB kecuali perkara yang dinyatakan didalam Nota 3(o) (iii) kepada Penyata Kewangan bagi memenuhi prinsip-prinsip syariah.

Penyata Kewangan syarikat-syarikat subsidiari pula disediakan menurut peruntukan-peruntukan Akta Syarikat, 1965 dan piawaian-piawaian perakaunan berkenaan yang diluluskan oleh MASB.

b. Asas Penyatuan

i. Syarikat subsidiari

Lembaran Imbangan dan Penyata pendapatan yang disatukan adalah terdiri daripada akaun Majlis Agama Islam Wilayah-Wilayah Persekutuan dengan akaun Syarikat-syarikat Subsidiarinya iaitu Hospital Pusrawi Sdn. Bhd., Yayasan Taqwa Wilayah Persekutuan., Institut Profesional Baitulmal Sdn. Bhd., Harta Suci Sdn. Bhd., Anggun Mulia Sdn. Bhd. dan Pengangkutan Harta Suci Sdn. Bhd.

Penyata kewangan yang disatukan merangkumi penyata kewangan Majlis dan kesemua syarikat-syarikat subsidiarinya yang disediakan sehingga akhir tahun kewangan. Syarikat-syarikat subsidiari adalah syarikat dimana Kumpulan mempunyai kawalan dan pengaruh dalam aspek kewangan dan polisi operasinya yang boleh dimanfaatkan secara terus daripada semua aktiviti. Penyatuan syarikat-syarikat subsidiari dibuat pada tarikh di mana kawalan telah berpindah kepada Kumpulan sehingga tarikh kawalan ke atas syarikat-syarikat subsidiari ini diluluskan.



MAJLIS AGAMA ISLAM WILAYAH PERSEKUTUAN

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2009

3. POLISI PERAKAUNAN YANG PENTING (SAMBUNGAN)

b. Asas Penyatuan (sambungan)

i. Syarikat subsidiari (sambungan)

Transaksi di antara kumpulan, baki dan keuntungan daripada transaksi-transaksi antara kumpulan yang tidak direalisasikan dihapuskan; kerugian yang tidak direalisasikan juga dihapuskan melainkan kosnya tidak dapat diperolehi kembali. Apabila perlu, pelarasan dibuat keatas penyata kewangan syarikat-syarikat subsidiari untuk memastikan syarikat-syarikat subsidiari menerima pakai dasar perakaunan secara konsisten seperti yang diterimapakai oleh kumpulan.

Keuntungan atau kerugian daripada pelupusan syarikat subsidiari adalah perbezaan diantara perolehan bersih pelupusan dan bahagian aset bersih bagi kumpulan serta sebarang jumlah muhibah yang belum dilunaskan oleh perbezaan tukaran yang tidak diiktiraf sebelum ini di dalam penyatuan penyata pendapatan.

Kepentingan saham minoriti diukur melalui bahagian minoriti ke atas nilai wajar aset ketara bersih selepas pengambilalihan dan tanggungan syarikat subsidiari yang diambilalih. Kesan perubahan ke atas kepentingan minoriti dibentangkan secara berasingan.

c. Hartanah, loji dan peralatan serta susutnilai

Hartanah, loji dan peralatan dinyatakan pada harga kos tolak susutnilai terkumpul dan kerugian pengurangan nilai. Susutnilai hartanah, loji dan peralatan tetap dikira bagi tujuan pelupusan kos hartanah, loji dan peralatan mengikut kaedah garis lurus berdasarkan usia penggunaan hartanah, loji dan peralatan.

- Meneliti dan memperakukan cadangan-cadangan projek pembangunan yang bermanfaat.
- Mengkaji dan memperakukan bentuk serta penglibatan wang dalam projek-projek ekonomi.

Keanggotaan

Pengerusi

- ▶▶ **Datuk Hisham bin Abd Majid**
Ahli MAIWP

Ahli

- ▶▶ **Tan Sri Datuk Sheikh Ghazali bin Haji Abdul Rahman**
Ahli MAIWP
- ▶▶ **Dato' Haji Che Mat bin Che Ali**
Setiausaha MAIWP
- ▶▶ **Dato' Mohammad bin Gading**
- ▶▶ **Tuan Haji Sumali bin Amat**
- ▶▶ **Dato' Haji Muda bin Mamat**
- ▶▶ **Tuan Haji Mohd Zakri bin Haji Hussin**
- ▶▶ **Tuan Haji Mahadi bin Che Ngah**
- ▶▶ **Tuan Haji Anan bin C. Mohd**
Ketua Pegawai Eksekutif MAIWP
- ▶▶ **Encik Ismail bin Porjo**
Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif MAIWP

Setiausaha

- ▶▶ **Encik Ibrahim bin Ismail**
Pengurus
Bahagian Pembangunan dan Pelaburan



Mesyuarat

BIL.	TARIKH	MESYUARAT	TEMPAT
1.	10 April 2009	Mesyuarat Jawatankuasa Pembangunan dan Pelaburan Kali ke 82	Bilik Mesyuarat Utama, Bangunan PERKIM, Kuala Lumpur
2.	30 Jun 2009	Mesyuarat Khas Jawatankuasa Pembangunan dan Pelaburan	Bilik Mesyuarat Utama, Bangunan PERKIM, Kuala Lumpur
3.	12 November 2009	Mesyuarat Jawatankuasa Pembangunan dan Pelaburan Kali ke 83	Bilik Mesyuarat Utama, Bangunan PERKIM, Kuala Lumpur

Jawatankuasa Perundingan Hukum Syarak Wilayah Persekutuan

Sejarah Penubuhan

- Jawatankuasa Perundingan Hukum Syarak Wilayah Persekutuan ditubuhkan pada 1993 mengikut Seksyen 37 (1) Akta Pentadbiran Undang-Undang Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1993 [Akta 505].
- Sebelum itu, Jawatankuasa ini dikenali sebagai Jawatankuasa Undang-Undang Agama Wilayah Persekutuan.

Bidang Tugas

- Mengeluarkan fatwa
- Memperakukan apa-apa pendapat atau pandangan mengenai hukum syarak.

Keanggotaan

Pengerusi

- S.S. Datuk Haji Wan Zahidi bin Wan Teh
Mufti Wilayah Persekutuan

Ahli

- Tuan Haji Zakariah bin Isa
- Tan Sri Sheikh Ghazali bin Abdul Rahman
Ahli MAIWP
- Dato' Haji Md. Saleh bin Haji Md @ Haji Ahmad
- Prof. Dr. Mahamad bin Ariffin
- Tuan Haji Mohd Alwi bin Haji Yusoff
- Tuan Haji Ghazali bin Haji Mohamad Taib
- Dato' Abdul Rahman bin Mohd
- Prof. Dr. Mohd Nasir bin Omar
Ahli MAIWP
- Tuan Haji Wan Halim bin Wan Harun
- Prof. Dr. Siti Rogayah binti Haji Tibek
- Datin Nik Ismah binti Haji Abdul Rahman

Sefiausaha

- Encik Abdul Nasir bin Ahmad

Mesyuarat

BIL.	TARIKH	MESYUARAT	TEMPAT
1.	29-30 Jun 2009	Mesyuarat Jawatankuasa Perundingan Hukum Syarak Wilayah Persekutuan Kali Ke-74	Hotel Quality, Shah Alam, Selangor
2.	17 Ogos 2009	Mesyuarat Jawatankuasa Perundingan Hukum Syarak Wilayah Persekutuan Kali Ke-75	Dewan Syura Perdana, Tingkat 11, Menara Pusat Islam, Jalan Perdana, Kuala Lumpur

(Jadual bersambung di halaman 94)



(sambungan jadual halaman 93)

BIL.	TARIKH	MESYUARAT	TEMPAT
3.	17 Ogos 2009	Mesyuarat Khas Jawatankuasa Perundingan Hukum Syarak Wilayah Persekutuan	Dewan Syura Perdana, Tingkat 11, Menara Pusat Islam, Jalan Perdana, Kuala Lumpur
4.	3 September 2009	Mesyuarat Khas Jawatankuasa Perundingan Hukum Syarak Wilayah Persekutuan	Dewan Syura Perdana, Tingkat 11, Menara Pusat Islam, Jalan Perdana, Kuala Lumpur

Jawatankuasa Pengawasan Pengajaran Agama Wilayah Persekutuan

Penubuhan

- Jawatankuasa Pengawasan Pengajaran Agama Wilayah Persekutuan ditubuhkan pada 1993 mengikut Seksyen 96(1) Akta Pentadbiran Undang-Undang Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1993 [Akta 505].

Bidang Tugas

- Menjalankan temuduga kepada pemohon-pemohon tauliah mengajar.
- Memperakukan untuk memberikan tauliah mengajar kepada pemohon yang lulus temuduga.
- Memperakukan untuk menarik balik tauliah sekiranya berlaku pelanggaran syarat yang telah ditetapkan oleh Kaedah-Kaedah Pemberian Tauliah Mengajar Agama Islam 2006.

Keanggotaan

Pengerusi

- **S.S. Datuk Haji Wan Zahidi bin Wan Teh**
Mufti Wilayah Persekutuan

Ahli

- **S.S. Tuan Haji Zakariah bin Isa**
Timbalan Mufti Wilayah Persekutuan
- **Encik Mohd Zulbahrin bin Zainuddin**
Penasihat Undang-Undang
Jabatan Kemajuan Islam Malaysia
- **Encik Eidey El-Nimeiry bin Mokhtar**
Penasihat Undang-Undang MAIWP
- **Encik Che Mat bin Che Deraman**
Ketua Penolong Pengarah Kanan
Bahagian Pengurusan Dakwah,
Jabatan Agama Islam
Wilayah Persekutuan (JAWI)
- **Puan Noor Khalidah binti Abdul Rashid**
Ketua Penolong Pengarah Kanan
Bahagian Pelajaran JAWI
- **Encik Zainul Abidin bin Mat Noor**
Ketua Penolong Pengarah Kanan
Bahagian Penguatkuasaan JAWI
- **Puan Zaini Naura Aza binti Md. Zain**
Wakil Ketua Penolong Pengarah
Bahagian Penyelidikan JAWI
- **Encik Mazlan bin Abdullah**
Ketua Penolong Pengarah
Bahagian Pengurusan Kariah JAWI
- **Encik Shamsuddin bin Hussain**
Ketua Pendakwa Syarie
Bahagian Pendakwaan JAWI
- **Puan Azizah binti Che Hassan**
Ketua Penolong Mufti
Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan
- **Tuan Haji Ahmad bin Ismail**
Ketua Penolong Mufti
Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan
Cawangan Labuan
- **Encik Yusof bin Mamat**
Ketua Penolong Pengarah Kanan
JAWI Cawangan Labuan
- **Puan Zainab binti Othman**
Ketua Penolong Pengarah Kanan
JAWI Cawangan Putrajaya

Setiausaha

- **Dato' Haji Che Mat bin Che Ali**
Setiausaha MAIWP



Aktiviti

BIL.	TARIKH	AKTIVITI	TEMPAT
1.	3-5 Februari 2009	Temuduga Tauliah Mengajar	Dewan Ifta', Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan, Menara Pusat Islam, Kuala Lumpur
2.	23-24 Februari 2009	Program Muzakarah Pemegang Tauliah Mengajar Agama Islam Wilayah Persekutuan	Dewan Hadhari, Kompleks Pusat Islam, Kuala Lumpur
3.	6-8 April 2009	Temuduga Tauliah Mengajar	Dewan Ifta', Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan, Menara Pusat Islam, Kuala Lumpur
4.	20 Jun 2009	Seminar Pemantapan Sahsi	Dewan Serbaguna, Masjid Wilayah Persekutuan, Kuala Lumpur
5.	28-29 Julai 2009	Program Muzakarah Pemegang Tauliah Mengajar Agama Islam Wilayah Persekutuan	Dewan Hadhari, Kompleks Pusat Islam, Kuala Lumpur
6.	4-5 & 12 Oktober 2009	Temuduga Tauliah Mengajar	Dewan Ifta', Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan, Menara Pusat Islam, Kuala Lumpur
7.	26-28 Oktober 2009	Program Muzakarah Pemegang Tauliah Mengajar Agama Islam Wilayah Persekutuan	Hotel De Palma, Sepang

BIL.	TARIKH	AKTIVITI	TEMPAT
8.	1-3 Disember 2009	Temuduga Tauliah Mengajar	Dewan Ifta', Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan, Menara Pusat Islam, Kuala Lumpur
9.	7-8 Disember 2009	Program Tafaqquh	Dewan Hadhari, Kompleks Pusat Islam, Kuala Lumpur
10.	22-24 Disember 2009	Program Muzakarah Pemegang Tauliah Mengajar Agama Islam Wilayah Persekutuan	Hotel Seri Malaysia, Sepang
11.	28 Disember 2009	Mesyuarat Jawatankuasa Pengawasan Pengajaran Agama Islam Wilayah Persekutuan	Dewan Ifta', Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan Tingkat 10, Menara Pusat Islam, Jalan Perdana, Kuala Lumpur

Jawatankuasa Peguam Syarie

Penubuhan

- Penubuhan Jawatankuasa ini adalah selaras dengan kehendak Kaedah 3, Kaedah-kaedah Peguam Syarie 1993 yang memperuntukkan:

"Maka hendaklah ditubuhkan suatu Jawatankuasa yang dipanggil Jawatankuasa Peguam Syarie yang akan menguruskan semua perkara berhubung dengan Peguam Syarie Wilayah-wilayah Persekutuan"



Bidang Tugas

- Bidang tugas Jawatankuasa ini adalah selaras dengan Kaedah 7 Kaedah-kaedah Peguam Syarie 1993 yang memperuntukkan:
 - (a) Untuk menjalankan peperiksaan Sijil Peguam Syarie dan semua perkara lain yang perlu bagi atau bersampingan dengan peperiksaan itu, termasuklah ::-
 - (i) Menyedia dan menerbitkan sukatan pelajaran bagi peperiksaan
 - (ii) Menetapkan tarikh peperiksaan
 - (iii) Menyediakan atau menilai soalan-soalan dan memeriksa kertas-kertas peperiksaan
 - (iv) Memberikan Sijil Peguam Syarie
 - (b) Untuk menerima Peguam Syarie
 - (c) Untuk melaksanakan apa-apa fungsi atau tugas lain yang diarahkan oleh Majlis.

Keanggotaan

Pengerusi

- ▶▶ **Y.A.A Tuan Haji Mohamad bin Haji Abdullah**
Ketua Hakim Syarie
Mahkamah Syariah Wilayah Persekutuan

Ahli

- ▶▶ **Tuan Mahamad Naser bin Disa**
Wakil Peguam Negara
- ▶▶ **Tuan Shamsuddin bin Hussin**
Ketua Pendakwa Syarie Wilayah Persekutuan
- ▶▶ **Tuan Haji Muhkyudin bin Ibrahim**
Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia
(Wakil yang dilantik oleh MAIWP)
- ▶▶ **Puan Hajah Noor Hadina binti Zabidi**
Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia
(Wakil yang dilantik oleh MAIWP)

Setiausaha

- ▶▶ **Tuan Mohamad Zakian bin Dio**
Ketua Pendaftar
Mahkamah Syariah Wilayah Persekutuan

Aktiviti

BIL.	TARIKH	AKTIVITI	TEMPAT
1.	26 Ogos 2009	Mesyuarat Jawatankuasa Peguam Syarie Kali ke-10	Mahkamah Syariah Wilayah Persekutuan Putrajaya
2.	15 & 16 September 2009	Temuduga Peguam Syarie Tahun 2008	Mahkamah Syariah Wilayah Persekutuan Putrajaya
3.	29 Disember 2009	Ujian Bertulis Peguam Syarie Wilayah Persekutuan Tahun 2008	Mahkamah Syariah Wilayah Persekutuan Putrajaya

Jawatankuasa Audit Dalam

Penubuhan

- Ditubuhkan pada tahun 1995 hasil daripada keputusan Mesyuarat MAIWP Kali Ke-62 bertarikh 19 Disember 1995.
- Penubuhan Jawatankuasa Audit Dalam MAIWP dan fungsi-fungsinya adalah berdasarkan kepada Surat Pekeliling Am Sulit Bil. 2 Tahun 1993 (digantikan dengan Surat Pekeliling Am Bil. 3 Tahun 1998) iaitu Garis Panduan Mengenai Peranan dan Tanggungjawab Kementerian, Lembaga Pengarah dan Ketua Eksekutif Dalam Pengurusan Badan-badan Berkanun Kerajaan.

Bidang Tugas

- Mengkaji keperluan Unit Audit Dalam termasuk piagamnya.
- Mengkaji keberkesanan dan kemampuan sistem pengawalan dari dalam.



- Mengkaji perancangan aktiviti audit oleh Unit Audit Dalam yang meliputi skop kerja, jadual, keanggotaan, serta penyelarasan di antara Juruaudit Luar dan Juruaudit Dalam.
- Mengkaji laporan daripada Juruaudit Dalam dan Luar dan memperakukan tindakan susulan yang perlu diambil kepada Mesyuarat MAIWP.
- Mengkaji dan menasihati ahli MAIWP berhubung dengan penyata kewangan, prospektus dan laporan-laporan kewangan lain yang dikeluarkan.
- Mengkaji dan menasihati ahli MAIWP berhubung dengan maklumat prestasi secara kuantitatif di atas aktiviti yang tertakluk kepada auditan dan perkara lain yang melibatkan tanggungjawab sebagaimana yang diputuskan oleh ahli MAIWP.
- Mengesan pematuhan kepada peraturan yang ditetapkan oleh Mesyuarat MAIWP serta tatakelakuan pegawai/kakitangan dan mengambil daya usaha menyasat sebarang pertelingkahan yang berlaku di dalam MAIWP.
- Memastikan bahawa MAIWP sentiasa mengubahsuai pelaksanaan kerja selaras dengan perubahan iktisas yang berlaku dalam bidang perakaunan seperti pengisytiharan oleh Institut Akauntan Malaysia dan Jawatankuasa Piawaian Perakaunan Antarabangsa.
- Melaksanakan fungsi-fungsi yang ditetapkan oleh Mesyuarat MAIWP dari semasa ke semasa.
- Melaporkan kepada pihak pengurusan mengenai kakitangan yang didapati telah melakukan sebarang penyelewengan untuk tindakan yang sesuai.

Keanggotaan

Pengerusi

- **Y.B. Senator Datuk Rizuan bin Abd Hamid**
Ahli Dewan Negara

Ahli

- **Dato' Dr. Sohaimi bin Haji Mohd Salleh**
Ketua Pengarah,
Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji (JAWHAR)
- **Puan Hajjah Jamela binti Mohd Syed**
Ahli MAIWP

Setiausaha

- **Encik Mohktar bin Abd Ghani**
Ketua Unit Audit Dalam MAIWP

Mesyuarat

- Mesyuarat Jawatankuasa Audit Dalam Bil. 22 telah diadakan pada 26 Januari 2009 bertempat di Bilik Mesyuarat Wisma Baitulmal, Tingkat 4 ¹/₂, Jalan Ipoh, Kuala Lumpur.

Jawatankuasa Kaedah-Kaedah Mahkamah Syariah Wilayah Persekutuan

Penubuhan

- Jawatankuasa Kaedah-kaedah Mahkamah Syariah Wilayah Persekutuan ditubuhkan bertepatan dengan Seksyen 246 (1) Akta Tatacara Mal Mahkamah Syariah (Wilayah-wilayah Persekutuan) 1998 [Akta 585] yang menyatakan:

"Maka hendaklah ditubuhkan suatu Jawatankuasa Kaedah-kaedah Mahkamah Syariah yang terdiri daripada:-

- (a) Ketua Hakim Syarie yang hendaklah menjadi Pengerusi ;
- (b) Seorang wakil Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan ;
- (c) Seorang wakil Jabatan Peguam Negara ;
- (d) Seorang wakil Peguam Syarie ;
- (e) Dua orang anggota lain yang dilantik oleh Ketua Hakim Syarie."



Bidang Tugas

- Seksyen 247 (1), Akta 585 menyatakan:

"Jawatankuasa Kaedah-kaedah Mahkamah Syariah boleh membuat kaedah-kaedah, yang hendaklah disiarkan dalam Warta, bagi menjalankan peruntukkan Akta ini, dan khususnya, tetapi tanpa menjejaskan keluasan peruntukkan yang terdahulu kaedah-kaedah itu boleh membuat peruntukkan bagi :-

- (a) *tatacara dan amalan pejabat pendaftaran Mahkamah Syariah;*
- (b) *fi, elaun dan kos yang kena dibayar berkenaan dengan prosiding di bawah Akta ini ;*
- (c) *tatacara mengenai Sulh;*
- (d) *borang, buku akaun, laporan dan dokumen lain yang hendak digunakan berkenaan dengan apa-apa perbuatan atau benda yang dilakukan di bawah atau menurut Akta ini ; dan*
- (e) *perjalanan Mahkamah, bentuk dan kaedah pelaksanaan suratcara dan pelantikan pegawai atau ejen Mahkamah."*

Keanggotaan

Pengerusi

- » **Y.A.A Datuk Haji Mohamad bin Haji Abdullah**
Ketua Hakim Syarie
Mahkamah Syariah Wilayah Persekutuan

Ahli

- » **Puan Hajah Azizah binti Haji Nawawi**
Timbalan Ketua Bahagian Guaman (1)
(Wakil Jabatan Peguam Negara)
- » **Encik Mohamad Isa bin Ralip**
Presiden
Persatuan Peguam Syarie Malaysia
(Wakil Peguam Syarie)
- » **Encik Mahamad Naser bin Disa**
Timbalan Ketua Bahagian Penasihat (Syariah)
Jabatan Peguam Negara
(Wakil yang dilantik oleh Ketua Hakim Syarie)

- » **Encik Razali bin Arifin**
Penasihat Undang-undang
Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia
(Wakil yang dilantik oleh Ketua Hakim Syarie)
- » **Encik Ibrahim bin Deris**
Ketua Pendakwa Syarie
Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan

Setiausaha

- » **Encik Mohamad Zakian bin Dio**
Ketua Pendaftar
Mahkamah Syariah Wilayah Persekutuan

Aktiviti

- Pewartaan Kaedah-kaedah Fi Perakuan Bagi Faraid, Mahkamah Syariah Wilayah Persekutuan pada 13 November 2009

Jawatankuasa Rumah Perlindungan Dan Kebajikan Islam Wilayah Persekutuan

Penubuhan

- Jawatankuasa ini ditubuhkan pada 28 Julai 2006 hasil daripada keputusan Mesyuarat MAIWP Kali Ke-96.

Bidang Tugas

- Menentukan peruntukan Kaedah-Kaedah Darul Kifayah dan Dar Assaadah dipatuhi.
- Mengawasi secara am terhadap pentadbiran, pengurusan, kesejahteraan dan disiplin anak-anak yatim.
- Menjalankan apa-apa kewajipan dan kuasa sebagaimana yang diamanahkan.
- Mengawal secara am pentadbiran, pengurusan, kesejahteraan dan disiplin penghuni.
- Memberi pendidikan asas agama kepada kanak-kanak.
- Melahirkan generasi yang seimbang antara keperluan rohani dan jasmani.



Keanggotaan

Pengerusi

- ▶▶ **Dato' Haji Mohamad bin S. Ahmad**
Ahli MAIWP

Timbalan Pengerusi

- ▶▶ **Dato' Haji Che Mat bin Che Ali**
Setiausaha MAIWP

Bendahari Kehomat

- ▶▶ **Dr. Muhammad Yamin bin Ismail**
Pengurus
Bahagian Baitulmal

Ahli

- ▶▶ **Tuan Haji Anan bin C. Mohd**
Ketua Pegawai Eksekutif MAIWP
- ▶▶ **Puan Sri Rajmin binti Rashid**
Ahli MAIWP
- ▶▶ **Tuan Haji Shaari bin Yusof**
Wakil
Dewan Bandaraya Kuala Lumpur
- ▶▶ **Encik Zorbahrin bin Ahmad**
Wakil Pengarah
Jabatan Kebajikan Masyarakat
Wilayah Persekutuan
- ▶▶ **Encik Mohd Khairi bin Ali**
Wakil Pengarah
Jabatan Belia dan Sukan Wilayah Persekutuan
- ▶▶ **Puan Hajjah Asnah binti Sulaiman**
Wakil Pengarah
Hospital Kuala Lumpur
- ▶▶ **Supt. Wan Ismail bin Haji Wan Taib**
Wakil Ketua Polis
Ibu Pejabat Polis Kontingen Kuala Lumpur
- ▶▶ **Encik Suhaimi bin Mustapa**
Wakil Pengarah
Jabatan Pelajaran Wilayah Persekutuan
- ▶▶ **Mantan Senator Habshah binti Haji Othman**
- ▶▶ **Tuan Haji Che Musa bin Jusoh**
- ▶▶ **Datuk Dr. Raj Karim**

Setiausaha

- ▶▶ **Puan Zaiton binti Abdul Rahman**
Pengurus
Bahagian Pembangunan Insan

Aktiviti

BIL.	TARIKH	AKTIVITI	TEMPAT
1.	26 Mac 2009	Mesyuarat Jawatankuasa Rumah Perlindungan dan Kebajikan Islam Bil. 1/2009	Bilik Mesyuarat Al-Khawarizmi, Masjid Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur
2.	27 April 2009	Temuduga Kemasukan Pelajar Sesi 2/2009	Darul Kifayah, Taman Koperasi Polis Fasa 2, Batu Caves, Kuala Lumpur
3.	29 April 2009	Mesyuarat Jawatankuasa Kecil Pengambilan Pelajar Dan Pengurusan Disiplin Darul Kifayah	Darul Kifayah, Taman Koperasi Polis Fasa 2, Batu Caves, Kuala Lumpur
4.	3 Julai 2009	Kunjungan Kor Wanita Kota Ke Dar Assaadah	Dar Assaadah Kampung Batu, Jalan Ipoh, Kuala Lumpur
5.	26 Jun 2009	Mesyuarat Jawatankuasa Kecil Pengambilan Pelajar Dan Pengurusan Disiplin Darul Kifayah	Darul Kifayah, Taman Koperasi Polis Fasa 2, Batu Caves, Kuala Lumpur
6.	7 Julai 2009	Mesyuarat Jawatankuasa Rumah Perlindungan Dan Kebajikan Islam Bil. 2/2009	Bilik Mesyuarat, Tingkat 1, Bangunan PERKIM, Jalan Ipoh

(Jadual bersambung di halaman 100)



(sambungan jadual halaman 99)

BIL.	TARIKH	AKTIVITI	TEMPAT
7.	31 Julai 2009	Mesyuarat Jawatankuasa Kecil Pengambilan Pelajar Dan Pengurusan Disiplin Darul Kifayah	Darul Kifayah, Taman Koperasi Polis Fasa 2, Batu Caves, Kuala Lumpur
8.	12 September 2009	Majlis Sumbangan Hari Raya Dan Buka Puasa	Dar Assaadah Kampung Batu, Jalan Ipoh, Kuala Lumpur
9.	13 Oktober 2009	Majlis Jamuan Hari Raya Aidifitri	Dar Assaadah Kampung Batu, Jalan Ipoh, Kuala Lumpur
10	10 November 2009	Lawatan Kerja Rasmi Jawatankuasa Rumah Perlindungan Dan Kebajikan Islam Ke Sabak Bernam Selangor	Rumah Perlindungan Wanita Baitul Ehsan, Sabak Bernam, Selangor
11	23 hingga 24 November 2009	Temuduga Kemasukan Pelajar Sesi 1/2010	Darul Kifayah, Taman Koperasi Polis Fasa 2, Batu Caves, Kuala Lumpur
12	2 Disember 2009	Mesyuarat Jawatankuasa Kecil Pengambilan Pelajar Dan Pengurusan Disiplin Darul Kifayah	Darul Kifayah, Taman Koperasi Polis Fasa 2, Batu Caves, Kuala Lumpur

INFORMASI

“....Oleh itu, berlumba-lumbalah kamu mengerjakan kebaikan kerana di mana sahaja kamu berada maka Allah tetap akan membawa kamu semua (berhimpun pada hari kiamat untuk menerima balasan); sesungguhnya Allah Maha Kuasa atas tiap-tiap sesuatu.”

(Surah Al-Baqarah : Ayat 148)



Skim Bantuan Zakat Baitulmal

1. Bantuan Kewangan Bulanan
2. Bantuan Dermasiswa
3. Bantuan Perniagaan
4. Bantuan Deposit Sewa Beli Teksi
5. Bantuan Membina / Membaiki Rumah Dan Deposit Membeli Rumah Kos Rendah
6. Bantuan Tambang Dalam / Luar Negeri (Ibnu-Sabil)
7. Bantuan Kecemasan
8. Bantuan Al-Riqab
9. Bantuan Am Pelajar Institusi Pengajian Tinggi (IPT)
10. Bantuan Pelajar Institut Profesional Baitulmal (IPB)
11. Bantuan Kepada Agensi-Agensi Kebajikan & Institusi Pendidikan
12. Bantuan Ramadhan
13. Bantuan Perubatan
14. Bantuan Perkahwinan
15. Bantuan Deposit Sewa Rumah Dan Sewa Rumah Bulanan
16. Bantuan Menyelesaikan Hutang (Al-Gharimin)
17. Bantuan Musibah
18. Biasiswa Baitulmal / Insentif Khas Pelajar Cemerlang
19. Bantuan Peralatan Dan Kecemasan Persekolahan
20. Bantuan Tuisyen
21. Bantuan Galakan Hafaz Al-Quran
22. Bantuan Pertanian
23. Bantuan Deposit Van / Bas Sekolah
24. Bantuan Deposit Membeli Motosikal Roda Tiga Untuk OKU
25. Bantuan Pelajaran Kolej Kejururawatan PUSRAWI
26. Bantuan Guaman Syarie

Syarat Umum Penerima Bantuan Zakat Baitulmal MAIWP

- Beragama Islam
- Warganegara Malaysia.
- Menetap di Wilayah Persekutuan minimum selama satu tahun.

Kadar Had al-Kifayah

Had al-Kifayah adalah pengiraan anggaran had secukup hidup sebulan bagi setiap individu di Wilayah Persekutuan. Pengiraan ini digunakan untuk menentukan tahap kemiskinan penerima bantuan zakat. Penyediaan anggaran had ini adalah berdasarkan 6 keperluan asasi manusia iaitu tempat perlindungan, makanan, pakaian, perubatan, pelajaran dan pengangkutan. Kadar Had al-Kifayah adalah seperti berikut:



Y.B. Senator Mejar Jeneral Dato' Seri Jamil Khir bin Haji Baharom (B), Menteri di JPM merangkap Pengerusi MAIWP meletakkan pelekat kenderaan di motosikal roda tiga orang kurang upaya (OKU) yang disumbangkan oleh MAIWP



Penyampaian Bantuan Perubatan berbentuk kerusi roda kepada salah seorang penerima yang terlantar koma akibat kemalangan



Salah seorang penerima Bantuan Perniagaan Baitulmal MAIWP yang menerima bantuan peralatan mesin jahit



Salah sebuah rumah di Labuan yang dibina melalui Skim Bantuan Membina / Membaiki Rumah Baitulmal MAIWP



Takrif Asnaf

Fakir

Seseorang yang tidak mempunyai apa-apa harta atau pekerjaan atau menerima pendapatan dari sumber-sumber lain yang jumlahnya tidak sampai 50% daripada keperluan harian dan keperluan tanggungannya dan tidak sampai 50% daripada belanja hidup seseorang yang hidup sederhana dan orang-orang tanggungannya.

Miskin

Seseorang yang mempunyai pekerjaan atau hasil usaha yang hanya memenuhi sebahagian keperluan asasinya tetapi tidak mencukupi untuk menampung keperluan harian dan juga menampung keperluan orang-orang tanggungannya.

Amil

Mereka yang terlibat secara langsung dengan institusi zakat samada individu atau organisasi bagi mengurus dan mentadbir hal ehwal zakat termasuk urusan pemungutan, agihan, urusan kewangan dan sebagainya.

Muallaf

Mereka yang dijinakkan hatinya atau yang diharapkan kecenderungan hatinya untuk menerima Islam atau yang memeluk Islam (tetapi belum kukuh Islamnya). Ianya dibahagikan kepada dua iaitu:

a) Beragama Islam

- Baru memeluk agama Islam
- Ketua-ketua kaum Islam yang baik hubungan dengan ketua-ketua kumpulan bukan Islam yang sejawatan atau sama taraf dengannya
- Ketua-ketua kaum Islam yang masih lemah iman tetapi masih ditaati oleh orang-orang yang di bawah pimpinannya
- Orang-orang Islam yang tinggal di perbatasan yang berhampiran dengan negara musuh Islam

b) Bukan beragama Islam

- Boleh dipujuk supaya masuk Islam
- Boleh dipujuk supaya tidak merbahaya kepada orang Islam

Ar-Riqab

Memerdekakan orang-orang Islam daripada cengkaman perhambaan dan penaklukan samada dari segi cengkaman fizikal atau mental seperti cengkaman kejahilan dan terbelenggu di bawah kawalan orang-orang tertentu.

Al-Gharimin

Golongan yang berhutang untuk memenuhi keperluan asas bagi kemaslahatan diri, keluarga tanggungannya atau masyarakat yang memerlukan penyelesaian segera dan dibenarkan oleh hukum syarak.

Fisabilillah

Mana-mana orang atau pihak yang melibatkan diri dalam aktiviti untuk menegak, mempertahankan dan mendakwahkan agama Islam serta kebajikannya.

Ibnu Sabil

Mana-mana orang dalam perjalanan bagi maksud-maksud yang diluluskan oleh hukum syarak dari mana-mana jua negeri atau negara yang memerlukan bantuan.



Projek Pembangunan MAIWP

Bangunan Daruzzakah



Bangunan ini dibina di Lorong Haji Hussein 2 Off Jalan Raja Muda, Kuala Lumpur. Kos pembinaan bangunan ini adalah sebanyak RM6 juta dan ianya siap dibina pada tahun 1992. Ianya beroperasi sebagai ibu pejabat Baitulmal MAIWP dan sebahagian ruang pejabat disewakan kepada Pusat Pungutan Zakat MAIWP.

Darul Kifayah



Kompleks ini terletak di Taman Koperasi Polis, Fasa 2, Batu Caves. Ianya menempatkan anak-anak asnaf termasuk anak-anak yatim yang tinggal di Wilayah Persekutuan dan juga di luar Wilayah Persekutuan. Kompleks ini telah siap dibina pada awal tahun 1999 dan mampu menempatkan sehingga 500 orang penghuni. Di sini terdapat pelbagai kemudahan seperti dewan besar, makmal komputer, asrama, gelanggang permainan dan sebagainya.

Bangunan Institut Kemahiran Baitulmal (IKB)



Bangunan ini dibina di Jalan Perkasa, Kampung Pandan, Kuala Lumpur. Kos pembinaannya adalah sebanyak RM3 juta. Ianya telah siap dibina pada tahun 1990 dan digunakan untuk menempatkan pelajar-pelajar kursus kemahiran.

Kampus Institut Profesional Baitulmal (IPB)



Bangunan ini dibina bersebelahan dengan IKB di kawasan seluas 2 ½ ekar. Pembinaan kampus ini melibatkan dua fasa. Fasa pertama siap dibina pada 1996 dan menelan kos sebanyak RM15.8 juta. Manakala fasa kedua telah siap dibina pada tahun 1997 dengan kos sebanyak RM13 juta. Di dalam fasa ini, terdapat 3 blok bangunan yang dibina iaitu 1 blok asrama perempuan 11 tingkat, 1 blok asrama lelaki dan 1 blok surau setingkat. Bangunan ini telah disewakan kepada IPB dengan kadar RM0.11 juta setahun.

Taman Perumahan Pelangi Jaya



Taman perumahan yang mengandungi 187 unit rumah teres 2 tingkat dan 13 unit rumah kedai ini dibina bersebelahan dengan Lebuhraya Karak / Kuala Lumpur dan telah siap dibina pada tahun 1996. Projek pembinaan ini merupakan projek usaha sama yang mana MAIWP memperoleh 32 unit rumah teres dan 12 unit rumah kedai.

Dar Assaadah



Dar Assaadah yang berkeluasan 9,606 meter persegi dibina di Kampung Batu 5, Jalan Ipoh, Kuala Lumpur dengan kos sebanyak RM15 juta. Kompleks ini mampu menempatkan seramai 70 orang penghuni dalam satu-satu masa. Penempatan dan perlindungan diberi pada golongan remaja dan keluarga tersasar arah yang memerlukan bimbingan dan tunjuk ajar.

Kompleks Hospital PUSRAWI dan Hotel Putra KL



Projek ini telah siap dibina pada penghujung tahun 2005. Bangunan Hotel Putra KL dan Hospital PUSRAWI ini dibina di atas Lot 149, Seksyen 87, Jalan Tun Razak, Kuala Lumpur berhadapan dengan Institut Jantung Negara (IJN). Hotel yang dibina dapat dijadikan tempat penginapan bukan sahaja kepada waris pesakit Hospital PUSRAWI malah kepada waris pesakit yang mendapatkan rawatan di IJN.

Asrama Pelajar Wilayah Persekutuan Mesir

Bangunan setinggi 9 tingkat ini dibeli daripada Syarikat El-Attal Group Brothers (LTD) dengankosRM7.37 juta merangkumi kos pembelian bangunan, kos ubahsuai, alat kelengkapan perabot dan elektrik. Ianya bertujuan menyediakan kemudahan penginapan kepada para pelajar dari Wilayah Persekutuan yang melanjutkan pengajian di Mesir. Selain kemudahan asrama, bangunan ini menyediakan kemudahan-kemudahan lain seperti surau, perpustakaan, kafe, kafe internet, pejabat pengurus asrama, rumah pengurus asrama, 2 unit villa dan 1 unit VIP suite. Kerja-kerja pengubahsuaian bangunan ini bermula pada Ogos 2008 dan telah siap pada Mac 2009 serta mula beroperasi pada April 2009.





Syarikat & Yayasan MAIWP

Hartasuci Sdn. Bhd.

[Dikenali sebagai Pusat Pungutan Zakat (PPZ) MAIWP]

Taraf	: Syarikat Sendirian Berhad
Ditubuhkan	: 17 November 1989
Modal berbayar	: RM1 juta
Ekuiti MAIWP	: 100 %
Aktiviti	: Menguruskan pungutan zakat harta di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Labuan & Putrajaya
Ibu Pejabat	: Wisma PPZ, 68-1-6, Dataran Shamelin, Jalan 4/91, Taman Shamelin Perkasa, 56100 Kuala Lumpur
No. Telefon	: 03-9289 5757
Laman Web	: www.zakat.com.my

Hospital PUSRAWI Sdn. Bhd.

Taraf	: Syarikat Sendirian Berhad
Ditubuhkan	: 10 Januari 1984
Modal berbayar	: RM9.96 juta
Ekuiti MAIWP	: 99.6 %
Aktiviti	: Menawarkan kemudahan dan perkhidmatan hospital, perubatan serta pembedahan
Ibu Pejabat	: Lot 149, Jalan Tun Razak, 50400 Kuala Lumpur
No. Telefon	: 03- 2687 5000
Laman Web	: www.pusrawi.com.my

Institut Profesional Baitulmal Sdn. Bhd.

Taraf	: Syarikat Sendirian Berhad
Ditubuhkan	: 23 April 1992
Modal berbayar	: RM3.5 juta
Ekuiti MAIWP	: 70%
Aktiviti	: Mengendalikan kursus-kursus profesional yang diluluskan Kementerian Pendidikan
Ibu Pejabat	: Lot 1363, Jalan Perkasa, Off Jalan Kg. Pandan, 55100 Kuala Lumpur
No. Telefon	: 03- 9281 4054
Laman Web	: www.ipb.edu.my

Anggun Mulia Sdn. Bhd.

(Dikenali sebagai Kolej Kejururawatan PUSRAWI)

Taraf	: Syarikat Sendirian Berhad
Ditubuhkan	: 19 Mei 2003
Modal Berbayar	: RM2.2 juta
Ekuiti MAIWP	: 100 %
Aktiviti	: Menguruskan dan beroperasi sebagai sebuah IPTS yang menjurus kepada bidang kejururawatan
Ibu Pejabat	: Tingkat 5, Bangunan Tabung Haji, 28 Jalan Rahmat, Off Jalan Ipoh, 50350 Kuala Lumpur
No. Telefon	: 03-4045 3876

Yayasan Taqwa Wilayah Persekutuan

Taraf	: Syarikat Berhad Dengan Jaminan
Ditubuhkan	: 20 November 1990
Modal Berbayar	: Tiada
Ekuiti MAIWP	: 100 %
Aktiviti	: Melaksanakan aktiviti-aktiviti kebajikan, sosial dan kemajuan umat Islam di Malaysia
Ibu Pejabat	: Tingkat Bawah Lot 1, Bangunan Tabung Haji, 148 Jalan Ipoh, 51200 Kuala Lumpur
No. Telefon	: 03-4041 4155

Institusi Di Bawah MAIWP

Darul Kifayah



Darul Kifayah ketika beroperasi di Kampung Batu, Batu 5 Jalan Ipoh

Mesyuarat MAIWP yang bersidang pada 20 Ogos 1983 telah bersetuju menubuhkan Darul Kifayah yang berperanan menjaga kebajikan anak-anak yatim khususnya di Wilayah Persekutuan. Usaha-usaha pembelaangolongan ini telah dimulakan Jawatankuasa Kebajikan Masjid Al-Firdaus sebelum ianya diambilalih oleh JAWI pada tahun 1981.

Operasi Darul Kifayah bermula di Kampung Batu, Batu 5, Jalan Ipoh sebelum ianya dipindahkan buat sementara waktu ke Taman Bukit Anggerik, Cheras pada tahun 1992 bagi membolehkan pembinaan bangunan baru Darul Kifayah dilaksanakan. Upacara perletakan batu asas bangunan baru Darul Kifayah telah disempurnakan oleh Dato' Dr. Mohd. Yusof bin Haji Mohammad Noor (sekarang Tan Sri) selaku Pengerusi MAIWP ketika itu.

Pada Oktober 1993, operasi Darul Kifayah telah dipindahkan semula daripada Taman Bukit Anggerik, Cheras ke Kampung Batu, Batu 5 Jalan Ipoh setelah bangunan baru siap sepenuhnya. Perasmian Kompleks Anak Yatim Darul Kifayah yang baru itu telah disempurnakan pada 5 Januari 1996 oleh Dato' Seri Dr. Mahathir bin Mohamad (sekarang Tun) Perdana Menteri Malaysia ketika itu.

Pada 17 Disember 2007, Darul Kifayah telah berpindah ke premis baru iaitu di alamat Lot 28188 Jalan 36/10, Taman Koperasi Polis Fasa 2, Kuala Lumpur. Kompleks baru ini mampu menampung seramai lebih kurang 500 orang pelajar serta memberi kemudahan dan tempat tinggal yang lebih sempurna dan selesa.

Dar Assaadah



Premis Dar Assaadah pada tahun 1996 di Jalan Gurney 3, Datuk Keramat

Mesyuarat MAIWP Kali Ke-23 bertarikh 2 Ogos 1985 yang telah dipengerusikan oleh Dato' Dr. Mohd. Yusof bin Haji Mohammad Noor telah bersetuju menubuhkan sebuah institusi yang dapat memberi perlindungan dan bimbingan kepada golongan remaja dan keluarga tersasar arah. Institusi berkenaan kemudian dinamakan Pusat Perlindungan Wanita Islam Dar Assaadah dan mula beroperasi pada November 1989 di sebuah blok bangunan rumah kedai di Taman Bukit Anggerik, Cheras Kuala Lumpur dengan kemasukan penghuni seramai 9 orang pada tahun tersebut. Memandangkan jumlah kemasukan penghuni semakin bertambah pada tahun 1996, pusat ini telah berpindah ke sebuah lot rumah banglo milik MAIWP di No 149 Jalan Gurney 3, Datuk Keramat Kuala Lumpur dengan bilangan penghuni seramai 40 orang. Seterusnya pada 2 Februari 2000, Institusi kebajikan ini sekali lagi telah berpindah ke sebuah kompleks yang lebih besar dan selesa iaitu di Lot 28188 Jalan 26/10, Taman Koperasi Polis Fasa 2, 68100 Batu Caves, Kuala Lumpur yang merupakan bangunan milik MAIWP. Pusat ini secara rasminya telah diberi nama sebagai Dar Assaadah pada tahun 2001.

Pada akhir tahun 2007, Dar Assaadah telah berpindah ke Kampung Batu, Batu 5, Jalan Ipoh yang sebelum itu menempatkan penghuni anak yatim Darul Kifayah. Perpindahan dibuat bagi memberi ruang yang lebih selesa kepada penghuni Darul Kifayah yang semakin bertambah dari tahun ke tahun.



Institut Kemahiran Baitulmal

Institut Kemahiran Baitulmal (IKB) ditubuhkan pada tahun 1991 oleh MAIWP bertujuan untuk membantu membasmi kemiskinan di kalangan keluarga Islam di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur khususnya dan Malaysia amnya dengan cara memberikan mereka mengikuti latihan kemahiran yang tersusun supaya mereka boleh berdikari setelah tamat mengikuti kursus di IKB.

Idea awal penubuhan IKB telah dicetuskan oleh Dato' Dr. Mohd. Yusof bin Haji Mohammad Noor, Pengerusi MAIWP pada ketika itu. Hasil daripada itu, beberapa siri perbincangan telah dijalankan dengan tertubuhnya Jawatankuasa Penubuhan Pusat Latihan yang dipengerusikan oleh Y.Bhg. Prof. Dato' Dr. Othman bin Haji Ishak yang kemudiannya diambil alih oleh Dato' Dr. Abdul Hamid bin Othman (sekarang Tan Sri) pada tahun 1989.

Perletakan batu asas pembinaan IKB telah dibuat pada 18 Januari 1990 dan pada 5 Disember 1990, blok pertama bangunan IKB dapat disiapkan melibatkan kos pembinaan sebanyak RM0.55 juta.

Bermula pada 18 Mac 1991, IKB mula beroperasi dengan seramai 7 orang kakitangan diketuai oleh seorang Pengurus. Pada ketika itu, sebanyak 3 kursus ditawarkan dengan pengambilan pelatih seramai 42 orang iaitu Kursus Jahitan Pakaian Lelaki (14 orang), Kursus Jahitan Pakaian Wanita (16 orang) dan Kursus Senilukis Kreatif dan Kemasan Semburan (12 orang).

Pada awal penubuhannya, IKB diberi nama sebagai Pusat Latihan Fakir Miskin yang kemudiannya ditukar kepada Pusat Latihan Kemahiran Baitulmal (PLKB). Namun demikian melihat kepada perkembangan kursus dan tahap persijilan yang ditawarkan, maka nama tersebut ditukar kepada Institut Kemahiran Baitulmal

(IKB) pada tahun 1995 sempena sambutan lima tahun IKB oleh Pengerusi MAIWP pada ketika itu iaitu Dato' Dr. Abdul Hamid bin Othman.



Y.B. Senator Dato' Dr. Mashitah binti Ibrahim, Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri menyampaikan sijil kepada pelatih IKB di Majlis Penganugerahan Sijil IKB pada 28 Julai 2009

Peranan IKB terus diperluaskan dengan terbinanya bangunan 4 tingkat pada tahun 1994. Dengan adanya bangunan baru tersebut, IKB telah menambah 3 kursus lagi pada tahun 1995 iaitu Kursus Kejuruteraan Elektrik, Kursus Masakan dan Katering dan Kursus Batik dan Cetakan Tekstil dengan jumlah kakitangan meningkat kepada 32 orang.

Pada asasnya perbelanjaan pengurusan di IKB ditanggung sepenuhnya oleh Baitulmal Wilayah Persekutuan. Dalam hal ini, para pelatih yang diterima masuk IKB tidak perlu untuk membayar apa-apa yuran pengajian.

IKB terus berkembang selaras dengan perkembangan negara. IKB membuat penyusunan dan penambahbaikan kurikulum bagi setiap kursus yang ditawarkan.

Jika di awal penubuhannya pelatih-pelatih hanya mengikuti kursus selama setahun namun bermula tahun 2004, IKB menawarkan kursus selama 2 tahun dengan penambahbaikan kepada kurikulum sedia ada di samping turut memperluaskan pelatih-pelatih dengan pengajian liberal yang terdiri daripada Pengajian Islam, Bahasa Inggeris, Keusahawanan dan Aplikasi Komputer. Ia turut melibatkan pertukaran nama-nama kursus yang ditawarkan bagi memberi nilai tambah kepada kursus-kursus tersebut. Kursus Jahitan Pakaian Lelaki dan Jahitan Pakaian Wanita ditukarkan kepada Kursus Rekaan Fesyen dan Pembuatan Pakaian (RFP) Lelaki dan Wanita, Kursus Senilukis dan Kemasan Semburan ditukarkan kepada Kursus Seni Lukis dan Seni Reka (SSR). Kursus Pendawaian Elektrik ditukarkan kepada Kursus Kejuruteraan Elektrik (KJE) manakala Kursus Masakan dan Katering ditukarkan kepada Kursus



Encik Abdul Rashid bin Ibrahim, bekas pelatih IKB yang kini telah berjaya menerima Anugerah Tokoh Usahawan Baitulmal daripada Y.B. Senator Dato' Dr. Mashitah binti Ibrahim, Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri

Perkhidmatan dan Penyajian Makanan (PPM). Pada tahun 2006, IKB mula menawarkan kursus Teknologi Binaan Bangunan bagi membolehkan generasi muda Malaysia menceburi industri pembinaan kerana sijil mereka diiktiraf oleh Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan (CIDB) Malaysia. Pelatih dari kursus ini turut dilengkapi dengan kemahiran membuat perabot dan kelengkapan rumah sebagai nilai tambah kepada lulusan dari kursus ini.

Pihak IKB telah mengorak langkah dengan mengadakan kerjasama dengan pihak Majlis Latihan Vokasional Kebangsaan (MLVK) atau sekarang dikenali sebagai Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK) di bawah Kementerian Sumber Manusia bagi mendapatkan pengiktirafan dan pengeluaran sijil. Usaha IKB ini berjaya di mana semua kursus di IKB telah diiktiraf oleh JPK. Para lulusan IKB diberikan Sijil Kemahiran Malaysia (SKM) tahap 1 dan 2 di samping sijil tamat latihan yang dikeluarkan oleh IKB sendiri. Lulusan Kejuruteraan Elektrik juga turut mendapat pengiktirafan Suruhanjaya Tenaga (Sijil Kekompetenan dan Pengendorsan Pendawai PW4). Pelatih-pelatih IKB juga diwajibkan mengikuti latihan praktikal di luar IKB bagi memberi pendedahan kepada dunia pekerjaan sebenar.

Iklan pengambilan pelatih IKB dibuat pada setiap bulan Ogos setiap tahun di akhbar-akhbar utama dan laman web MAIWP. IKB akan mengadakan temuduga di setiap negeri di Malaysia bagi memastikan kelayakan setiap pemohon. Kriteria pemilihan pelatih IKB adalah seperti berikut:

- Lulus Penilaian Menengah Rendah (PMR), Sijil Pelajaran Malaysia (SPM), Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia (STPM) atau sekurang-kurangnya tamat darjah 6 dan boleh membaca serta menulis.

- Pendapatan ketua keluarga adalah kurang daripada RM500 sebulan atau mengikut Had al-Kifayah yang ditetapkan oleh MAIWP.

- Sihat mental dan fizikal.

Taska Darul Hannan

Taska Darul Hannan merupakan sebuah institusi penjagaan dan pendidikan harian bagi kanak-kanak yang berusia 2 bulan hingga 4 tahun. Ianya mula beroperasi pada 1 Disember 1996 di sebuah bangunan yang terletak di dalam kawasan IKB, Jalan Perkasa, Taman Maluri, Kuala Lumpur.

Pada 22 November 2007, Mesyuarat MAIWP Kali Ke-102 telah bersetuju menubuhkan sebuah lagi Taska Darul Hannan bertempat di Dewan Nurseri, Masjid Wilayah Persekutuan, Jalan Duta, Kuala Lumpur.

Kadar bayaran yang dikenakan di Taska ini adalah seperti berikut:

Jadual 19:

Kadar Bayaran di Taska Darul Hannan

BIL.	UMUR / KATEGORI	BAYARAN (RM)
1.	Setahun ke bawah	180.00
2.	1 hingga 4 tahun	150.00
3.	Bagi ibu bapa yang berpendapatan di bawah RM1500.00	Percuma



Para pengasuh di Darul Hannan membimbing anak-anak di Darul Hannan mengikuti aktiviti pembelajaran



Sekolah Menengah Agama MAIWP (SMA-MAIWP)

Rancangan penubuhan Sekolah Menengah Agama di Wilayah Persekutuan telah dimulakan sejak tahun 1990an. Mesyuarat MAIWP Kali Ke-56 yang bersidang pada 9 Ogos 1994 telah memutuskan bahawa Sekolah Menengah Agama perlu ditubuhkan segera di Wilayah Persekutuan untuk memberi kesinambungan pendidikan di peringkat menengah.


Walau bagaimanapun, disebabkan beberapa masalah yang tidak dapat dielakkan, usaha tersebut telah tertangguh sehingga tahun 2005.

Mesyuarat MAIWP Kali Ke-94 pada 27 Oktober 2005 telah memutuskan untuk menubuhkan sebuah Sekolah Menengah Agama (Berasrama) di Wilayah Persekutuan dan JAWI telah diminta untuk mengkaji dan menyediakan satu kertas cadangan penubuhan Sekolah Menengah Agama Wilayah Persekutuan (SMAWP) untuk dikemukakan dalam Mesyuarat MAIWP yang seterusnya.

Pada tahun 2006, kertas kerja tersebut telah dibentangkan dalam Mesyuarat MAIWP Kali Ke-96 yang bersidang pada 28 Julai 2006. Kertas kerja tersebut telah mencadangkan agar MAIWP menubuhkan sebuah Sekolah Menengah Agama Negeri. Ia merupakan sebuah sekolah berasrama dan semua pelajar diwajibkan tinggal di asrama sepanjang sesi persekolahan. Segala kos pengurusan sekolah dan asrama akan dibiayai oleh MAIWP.

Kertas tersebut turut mencadangkan agar SMAWP menggunakan kurikulum Sekolah Menengah Agama Negeri Selangor setelah mengkaji beberapa sekolah agama negeri yang lain seperti Terengganu, Kelantan dan Negeri Sembilan serta mengambil kira pandangan Unit Sekolah Agama Bantuan Kerajaan Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) yang memperakui pengurusan dan kurikulum Sekolah Agama Negeri Selangor adalah yang baik dan bersepadu. Aspek ini perlu diambil kira bagi membolehkan MAIWP menyerapkan SMAWP sebagai Sekolah Agama Bantuan Kerajaan (SABK).

Cadangan tersebut telah dipersetujui dan mesyuarat telah meluluskan peruntukan kewangan sebanyak RM2 juta bagi kos operasi sekolah tersebut. SMAWP



Model bangunan baru SMA-MAIWP

beroperasi sementara di satu blok bangunan Sekolah Rendah Agama (SRA) Othmaniah, Bandar Tun Razak, Cheras, Kuala Lumpur sebelum bangunan sekolah yang baru dibangunkan. MAIWP turut menyewa Wisma Balai Ikhtiar Malaysia (BIM) yang terletak hampir 5 km daripada sekolah untuk dijadikan sebagai asrama pelajar-pelajar.

Pada 22 Januari 2007, Sekolah Menengah Agama MAIWP atau singkatannya dikenali sebagai SMA-MAIWP secara rasminya telah menerima kumpulan pertama pelajar seramai 181 orang yang telah mendaftarkan diri ke Tingkatan 1. Walaubagaimanapun, sehingga akhir penggal persekolahan 2007, hanya 178 orang pelajar sahaja yang meneruskan persekolahan ke Tingkatan 2 kerana selebihnya telah bertukar ke sekolah lain. Kriteria pemilihan pelajar adalah seperti berikut:

- Memperolehi 5A dalam Ujian Penilaian Sekolah Rendah (UPSR) dan mendapat sekurang-kurangnya Gred 2 dengan markah 70% dan ke atas dalam Ujian Penilaian Sekolah Rendah Agama (UPSRA).
- Mempunyai kebolehan menulis tulisan jawi dengan baik.
- Berkebolehan membaca ayat suci al-Quran dengan baik.
- Mempunyai asas Bahasa Arab.
- Lulus ujian kelayakan kemasukan yang ditetapkan oleh Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan (JAWI).
- Tidak mempunyai penyakit yang kronik.

Tadika Islam

Tadika Islam telah mula wujud sejak tahun 1970-an dan operasi perlaksanaan ditadbir sepenuhnya oleh Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan (JAWI). Guru-guru yang dilantik adalah secara/status sementara dan hanya dibayar secara elaun melalui hasil yuran pelajar dan tambahan peruntukan kewangan MAIWP.

Keputusan Mesyuarat Penyesuaian Semula Perjawatan JAWI bersama Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) pada 24 September 2007 di JAWI telah memutuskan bahawa pengurusan dan perjawatan guru-guru Tadika Islam diserahkan sepenuhnya kepada MAIWP.

Pada 1 Januari 2009, operasi dan pentadbiran Tadika Islam diserahkan sepenuhnya kepada pengurusan MAIWP dan majlis penyerahan tersebut secara rasminya telah disempurnakan pada 18 Mac 2009 oleh Y.B. Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid Hamidi, Menteri di Jabatan Perdana Menteri ketika itu.

MAIWP telah menggariskan beberapa objektif untuk dicapai oleh Tadika Islam, iaitu:



Pelajar Tadika Islam MAIWP memperdengarkan bacaan ayat-ayat Al-Quran di Festival Kebudayaan dan Kesenian Islam Tadika Islam MAIWP 2009

a) Melaksanakan program pendidikan pra sekolah bagi kanak-kanak yang berumur 5 – 6 tahun dengan menggunakan pakai kurikulum bersepadu.

b) Menyediakan suasana pembelajaran yang berorientasikan "Belajar Melalui Bermain" (*learning through play*) dalam usaha mengembangkan kemahiran asas dan potensi kanak-kanak dalam segala aspek perkembangannya sebagai persediaannya untuk memasuki alam persekolahan yang sebenar (formal).

c) Memupuk dan melengkapkan sifat peribadi (sahsiah), perwatakan dan konsep diri yang positif serta mengamalkan nilai-nilai murni di kalangan kanak-kanak.

d) Melahirkan generasi *ulul albab* yang cemerlang dan mempunyai sahsiah mulia di masa hadapan selaras

dengan pembentukan modal insan yang berkualiti.



Direktori MAIWP

1. Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan
(Ibu Pejabat)
Aras 1,7,9-11, Bangunan PERKIM
No. 150, Jalan Ipoh
51200 KUALA LUMPUR
No. Tel : 03- 4047 9444
No. Faks : 03- 4044 9444
2. Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan
Cawangan Labuan
Blok 4, Tingkat 13,
Kompleks Ujana Kewangan, Peti Surat 80960
87019 LABUAN
No. Tel : 087-418 515 / 512
No. Faks : 087-418 514
3. Bahagian Baitulmal
Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan
Tingkat 3-6, Bangunan Daruzzakah
Lorong Haji Hussein 2
50676 KUALA LUMPUR
No. Tel : 03- 2617 5222
No. Faks : 03- 2617 5252
4. Kompleks Darul Kifayah
Lot 28188, Jalan 36/10,
Taman Koperasi Polis Fasa 2
Batu Caves
68100 KUALA LUMPUR
No. Tel : 03- 6188 4844
No. Faks : 03- 6188 1844
5. Kompleks Dar Assaadah
Kampung Batu, Batu 5, Jalan Ipoh
52000 KUALA LUMPUR
No. Tel : 03- 6257 0960 / 6864
No. Faks : 03- 6258 1254
6. Institut Kemahiran Baitulmal
Lot 1363, Jalan Perkasa
Off Jalan Kampung Pandan, Taman Maluri
55100 KUALA LUMPUR
No. Tel : 03- 9283 0198
No. Faks : 03- 9281 1387
7. Sekolah Menengah Agama MAIWP (SMA-MAIWP)
d/a Masjid Saidina Othman Ibn Affan
Bandar Tun Razak, Cheras
56000 KUALA LUMPUR
No. Tel : 03- 9171 3661
No. Faks : 03- 9171 2661
8. Taska Darul Hannan
Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan,
Lot 1363, Jalan Perkasa
Off Jalan Kampung Pandan
Taman Maluri
55100 KUALA LUMPUR
No. Tel : 03- 9287 6967
No. Faks : 03- 9281 1387
9. Taska Darul Hannan
Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan
Masjid Wilayah Persekutuan, Jalan Duta
50480 KUALA LUMPUR
No. Tel : 03- 6201 3339
No. Faks : 03- 6201 2229
10. Asrama Pejabat
Pengurusan MAIWP Mesir
Wilayah Persekutuan Student's Hostel
No 24 El-Mahdy Ibn Baraka Street
7th District, Nasr City, Cairo
ARAB REPUBLIC OF EGYPT
Tel/Fax: +202 22879711
11. Hospital PUSRAWI
Lot 149, Jalan Tun Razak
50400 KUALA LUMPUR
No. Tel : 03- 2687 5000
No. Faks : 03- 2687 5001
12. Pusat Pungutan Zakat MAIWP
Wisma PPZ, 68-1-6
Dataran Shamelin,
Jalan 4/91 Taman Shamelin Perkasa
56100 KUALA LUMPUR
No. Tel : 03- 9289 5757
No. Faks : 03- 9289 5759
13. Institut Profesional Baitulmal
Lot 1363, Jalan Perkasa
Off Jalan Kg. Pandan,
Taman Maluri
55100 KUALA LUMPUR
No. Tel : 03- 9281 4054
No. Faks : 03- 9281 4052
14. Kolej Kejururawatan PUSRAWI
Tingkat 5, Bangunan Tabung Haji
28 Jalan Rahmat,
Off Jalan Ipoh
50350 KUALA LUMPUR
No. Tel : 03- 4045 3876
No. Faks : 03- 4045 3877
15. Yayasan Taqwa Wilayah Persekutuan
Tingkat Bawah, Lot 1,
Bangunan Tabung Haji
148, Jalan Ipoh
51200 KUALA LUMPUR
No. Tel : 03- 4041 4155
No. Faks : 03- 4041 4199

DIARI MAIWP 2009

"Demi Masa! Sesungguhnya manusia itu dalam kerugian, kecuali orang-orang yang beriman dan beramal soleh, dan mereka pula berpesan-pesan dengan kebenaran dan kesabaran."

(Surah Al-'Asr : Ayat 1-3)



Diari MAIWP 2009

JANUARI



Tuan Haji Anan bin C. Mohd, Ketua Pegawai Eksekutif MAIWP menyerahkan surat perlantikan MAIWP kepada guru-guru Tadika Islam di Wilayah Persekutuan

12 Januari 2009

Majlis Penyerahan Surat Perlantikan Guru-Guru Tadika Islam MAIWP



Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong Al-Wathiqu Billah Tuanku Mizan Zainal Abidin Ibni Al-Marhum Sultan Mahmud Al-Muktafi Billah Shah mencemar duli berangkat menyempurnakan perasmian Kios Maju Masjid

20 Februari 2009

Majlis Pelancaran Kios Maju Masjid dan e-Derma oleh Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong

FEBRUARI

11 Februari 2009

Perpindahan Ibu pejabat MAIWP ke Bangunan PERKIM, Jalan Ipoh



Ketua Pegawai Eksekutif MAIWP (kiri) menyerahkan cenderamata kepada Y.Bhg. Tan Sri Dato' Hamad Kama Piah bin Che Othman, Presiden & Ketua Eksekutif Kumpulan Permodalan Nasional Berhad

18 Februari 2009

Kunjungan Hormat Pengurusan MAIWP ke Permodalan Nasional Berhad (PNB)

MAR

18 Mac 2009

Majlis Serah Tugas Tadika-tadika Islam Wilayah Persekutuan kepada MAIWP

22 Mac 2009

Majlis Pecah Tanah Sekolah Menengah Imtiaz MAIWP Disempurnakan oleh Y.B. Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid Hamidi, Menteri di Jabatan Perdana Menteri merangkap Pengerusi MAIWP

APRIL



Ketua Pegawai Eksekutif MAIWP, Tuan Haji Anan bin C. Mohd beramah mesra dengan salah seorang pesakit yang sedang menjalani rawatan hemodialisis

April 2009

Penyerahan Bantuan Zakat Kepada Pesakit Buah Pinggang Bagi Rawatan Hemodialisis di Pusat Dialisis Aiman, Kampung Baru.

15 April 2009

Kunjungan Pengurusan MAIWP ke Amanah Raya Berhad

MEI



Y.B. Senator Mejar Jeneral Dato' Seri Jamil Khir bin Haji Baharom (B), Menteri di Jabatan Perdana Menteri merangkap Pengerusi MAIWP bersalaman dengan para pegawai kanan MAIWP ketika lawatan kali pertama beliau ke MAIWP

12 Mei 2009

Lawatan Y.B. Senator Mejar Jeneral Dato' Seri Jamil Khir bin Haji Baharom (B), Menteri di Jabatan Perdana Menteri ke MAIWP



Para penerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang MAIWP 2008 bergambar bersama-sama tetamu VIP

28 Mei 2009

